

Jilid I
Bil. 15



Hari Isnin
27hb Oktober, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1897]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 1936]

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan 1987 [Ruangan 1936]

USUL:
Anggaran Pembangunan 1987 [Ruangan 1936]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- .. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING (Lipis).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUAN YOW (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- .. TUAN ABDUL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI (Kota Setar).
- .. DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD (Kok Lanas).
- .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR (Pagoh).

- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN BASRI BIN BAJURI (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI *alias* CHIAH So HA (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UNGGAH EMBAS (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI *alias* NG SING SAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN (Tanah Merah).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB (Sabak Bernam).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Uu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAL *alias* PAUL BIN PANSAL (Kota Belud).
- .. TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG (Jambongan).
- .. TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH (Maran).
- .. TUAN MOHAMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF (Balik Pulau).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN ISA (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED BIN JAMRAH (Bagan Datok).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIM BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

Yang Berhormat DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

„ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

„ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

„ DATUK JOSEPH PAIRIN KITTINGAN (Keningau).

„ DR PATAU RUBIS (Mas Gading).

„ TUAN P. PATTO (Ipoh).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

„ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU (Saratok).

„ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

„ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Tasik Chenderoh).

„ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Semporna).

„ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM (Arau).

„ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

„ TUAN S. S. SUBRAMANIAM (Hulu Selangor).

„ DRS. SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).

„ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupa).

„ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

„ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

„ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

„ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).

„ TUAN YAHYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

„ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI (Sik).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T.,
K.M.N., P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 27hb Oktober, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

HOSPITAL DAERAH BETONG/
KEMUDAHAN KESIHATAN
LUAR BANDAR
DI SARAWAK

1. Tuan Douglas Uggah Embas minta
Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) rancangan Kementerian untuk meningkatkan dan menambah kemudahan kesihatan di kawasan luar bandar di Sarawak; dan
- (b) bilakah hospital Daerah Betong, di Bahagian Kedua Sarawak, akan dibina.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan memang sudah ada rancangan untuk meningkatkan dan menambah kemudahan kesihatan di kawasan luar bandar di Sarawak. Satu rancangan yang ditekankan ialah membina lebih banyak klinik-klinik di kawasan luar

bandar. Misalnya di dalam Rancangan Malaysia Kelima sahaja, 57 buah Klinik Desa baru dicadang untuk pembinaan di kawasan-kawasan pendalaman. Selain daripada itu, 6 buah hospital baru termasuk sebuah Hospital Besar di Sibu dan 5 buah Pusat Kesihatan Daerah di Bau, Betong, Dalat, Daro dan Simunjan adalah juga dirancang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Perkhidmatan klinik bergerak juga akan ditambah bilangannya supaya memberi perkhidmatan kepada lebih banyak kawasan pedalaman yang jauh daripada Klinik Desa.

Bekalan air dan kemudahan tandas sempurna adalah juga satu strategi sampingan yang penting untuk meningkatkan taraf kesihatan penduduk luar bandar dan sehingga sekarang pencapaian bekalan air bersih adalah lebih kurang 62%, sementara kemudahan tandas sempurna sudah mencapai 69%. Kegiatan-kegiatan ini akan diteruskan setiap tahun sehingga tercapai matlamat untuk mengadakan bekalan air bersih dan tandas yang sempurna kepada semua penduduk di luar bandar di Sarawak. Rancangan Kerajaan adalah untuk membina sebanyak 100 projek bekalan air bersih dan 12,000 tandas yang sempurna setiap tahun di Negeri Sarawak.

Kementerian Kesihatan juga akan meneruskan dan mempergiatkan lagi usaha-usahanya untuk mencegah penyakit berjangkit seperti penyakit Malaria, Batuk Kering, Taun dan Demam Kepialu. Di samping itu juga, aktiviti kawalan mutu makanan akan diperluaskan ke seluruh kawasan luar bandar.

- (b) Pembinaan sebuah hospital baru di Betong dijadualkan akan dimulakan pada tahun 1988 dan dijangka siap pada tahun 1990.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menerangkan apakah langkah telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengadakan program penyelidikan kesihatan (public health education) awam kepada rakyat luar bandar untuk meningkatkan kesedaran mereka ke atas kesihatan dan untuk mereka mendapati pengetahuan kesihatan asas.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah apakah kemajuan telah dicapai secara program "Flying Doctor" dan adakah pihak Kerajaan bersetuju untuk meninggikan program ini supaya lebih kawasan diliputi oleh program ini?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat hendak mengetahui berkenaan dengan pendidikan kesihatan, bukan penyelidikan kesihatan. Pendidikan kesihatan memang menjadi sebahagian daripada perkhidmatan yang diberi dan kita juga telah mewujudkan di Sarawak beberapa pembantu ataupun auxiliary assistant dalam bidang kesihatan yang juga digunakan sebagai pegawai-pegawai lanjutan untuk pendidikan kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak.

Mengenai Flying Doctor, memang perkhidmatan Flying Doctor dengan menggunakan kapal terbang ini digunakan di tempat-tempat di mana tidak terdapat perkhidmatan-perkhidmatan kekal sebagai dispensary ataupun klinik dan apabila perkhidmatan kekal diwujudkan, perkhidmatan Flying Doctor tidak akan ke sana. Jadi, kawasan-kawasan yang hendak diliputi di Sarawak melalui Flying Doctor akan berkurangan sejajar dengan perkembangan perkhidmatan kita yang kekal.

PINJAMAN BANK DUNIA— SYARAT-SYARAT

2. **Tuan Zubir bin Embong** minta Menteri Kerjaraya menyatakan bahawa pembiayaan bagi projek Bangunan Sekolah-sekolah di negeri-negeri di Malaysia dibiayai daripada Bank Dunia dan tawaran kerja bagi projek tersebut datang secara terus daripada Kerajaan Pusat akibatnya kerja-kerja dalam kontrak tersebut diperolehi oleh kontraktor-kontraktor luar daripada negeri-negeri yang berkenaan. Dalam suasana kelembapan ekonomi, bolehkah kerja-kerja seumpama itu disalurkan oleh Kerajaan Pusat melalui Kerajaan Negeri dan tawaran bagi kerja-kerja tersebut dikhaskan kepada kontraktor-kontraktor tempatan.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, projek bangunan sekolah-sekolah yang dilaksanakan baru-baru ini adalah dibiayai dari pinjaman Bank Dunia. Di antara syarat-syarat pinjaman yang ditetapkan oleh Bank Dunia, projek tersebut dikehendaki dikendalikan oleh Kerajaan Pusat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu daripada syarat yang biasa dikenakan oleh Bank Dunia ialah mana-mana projek yang dibiayai oleh Bank tersebut hendaklah

ditawarkan secara terbuka di kalangan kontraktor-kontraktor tempatan Malaysia dan juga kontraktor-kontraktor antarabangsa.

Walau bagaimanapun bagi projek sekolah yang dilaksanakan baru-baru ini, Kerajaan telah berjaya mendapatkan kelonggaran syarat pinjaman di mana pihak Bank Dunia telah bersetuju supaya projek-projek sekolah yang dibiayai itu hanya ditawarkan secara terbuka kepada kontraktor-kontraktor Malaysia sahaja dan sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah pinjaman tersebut dikhaskan sebagai tawaran khas untuk bumiputera.

Mengenai kerja-kerja kontrak sekolah yang diperolehi oleh kontraktor yang bukan berasal dari negeri-negeri yang berkenaan, saya ingin menjelaskan keadaan seperti itu tidak dapat dielakkan oleh kerana mengikut syarat pinjaman, tawaran ini adalah terbuka kepada kontraktor-kontraktor tempatan kepunyaan 100% warganegara Malaysia dan tidak dikhaskan kepada kontraktor-kontraktor dari sesebuah negeri di mana projek ini dilaksanakan.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, kalaulah Yang Berhormat Menteri mempunyai angka di sini, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini jumlah pinjaman yang kita perolehi daripada Bank Dunia untuk membina sekolah-sekolah di negara kita; dan soalan kedua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu jumlah kontrak yang diperolehi oleh kaum bumiputera?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk tahun 1986, peruntukan yang disediakan sebagai pinjaman oleh Bank Dunia ialah \$151,933,064.83 iaitu untuk menjalankan sebanyak 143 projek yang mana kita telah menawarkan

ataupun sudah menenderkan 65 buah dan yang belum ditenderkan ialah 3 buah.

Walau pun kita telah menganggarkan perbelanjaan lebih daripada \$151 juta tetapi apabila kita telah menawarkan, harga yang kita dapati daripada kontraktor itu adalah \$109,399,110.30. Mengenai pemberian kepada kontraktor-kontraktor bumiputera daripada projek ini lebih daripada 30% dikhaskan untuk mereka iaitu tawaran khas kepada kontraktor-kontraktor bumiputera di dalam tanahair kita ini daripada pinjaman Bank Dunia ialah \$67,291,263.81 atau 45%.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Berhormat Menteri menyatakan mengapakah agaknya pihak Bank Dunia mensyaratkan agar kontrak-kontrak itu diputuskan oleh Kerajaan Pusat dan tidak diserahkan kepada negeri-negeri untuk memutuskan siapakah yang sepatutnya diberi kontrak itu. Apakah sebabnya?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah disebabkan oleh kerana pinjaman untuk projek-projek ini diberikan kepada Kerajaan Pusat—itu yang pertama. Yang kedua, siapa yang memohon untuk mendapatkan pinjaman ini hendaklah dibuat melalui Kementerian Kewangan. Sebab itu, siapa yang meminjam, beliaulah hendak menjaga faedah daripada kontrak itu. Oleh sebab itulah kita menjaga kontrak dan kita tidak boleh memberi kebenaran kepada tiap-tiap Negeri. Walaupun Bank Dunia membenarkan, saya sendiri tidak boleh benarkan, sebab saya tahu apakah masalah yang mungkin akan timbul di masa yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan P. Patto.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan P. Patto tidak hadir)

BEKALAN ELEKTRIK— MENGIMBANGI KEPERLUAN

4. **Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah program-program Kerajaan supaya bekalan elektrik akan setimpal dengan permintaan dan keperluan seluruh negara.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menerusi agensi-agensi yang tertentu mempunyai maklumat untuk menentukan keperluan tenaga elektrik di negara kita ini mencukupi. Keperluan tenaga elektrik biasanya ada kaitan dengan pertumbuhan ekonomi juga. Ini bermakna di waktu pertumbuhan ekonomi tinggi, keperluan tenaga elektrik pun nampaknya memang biasa tinggi. Sebaliknya di waktu pertumbuhan ekonomi berkurangan, pertumbuhan kuasa elektrik juga berkurangan.

Pada akhir-akhir ini pertumbuhan kuasa elektrik telah menurun dari kira-kira 11% setahun dalam tahun 1980-1981 ke tahap kurang sedikit dari 9% setahun sekarang dan dianggarkan secara purata 8% setahun dari sekarang sehingga tahun 1990.

Berasaskan kepada anggaran seperti ini, rancangan-rancangan untuk penyaluran kuasa elektrik memang sudah disediakan dan jumlah keupayaan yang terpasang sekarang nampaknya mencukupi. Walau bagaimanapun, tidak semua tempat di negara kita ini dapat menikmati bekalan elektrik sekarang, lebih-lebih lagi tempat-tempat yang terpencil. Ini bukan kerana kita tidak mencukupi kuasa tenaga elektrik terpasang tetapi oleh kerana penyaluran kuasa elektrik

ke tempat-tempat terpencil mengambil masa dan juga perbelanjaan yang tinggi.

Tuan Mohamed bin Isa: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan pemasangan perbekalan elektrik di luar bandar, saya ingin tahu oleh kerana pemborong-pemborong bumiputera di dalam kepandaian memasang bekalan elektrik ke kawasan luar bandar amat berkurangan, adakah Kerajaan bercadang untuk memberi latihan khusus kepada pemborong-pemborong bumiputera agar lebih ramai lagi kaum bumiputera dapat melibatkan diri dalam kerja-kerja pemasangan bekalan elektrik di kawasan luar bandar dan adakah pemborong-pemborong bumiputera ini diberi keutamaan dalam kerja-kerja ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya rasa soalan itu terkeluar daripada tajuk. Apa yang disebutkan ialah mengenai bekalan elektrik setimpal dengan permintaan ke seluruh negara.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa di ibu negara di Kuala Lumpur ini, penduduk-penduduk khususnya di kawasan yang padat dengan bilangan penduduk senantiasanya menghadapi gangguan bekalan elektrik. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri apakah, sebabnya berlaku perkara ini dan adakah ini bermakna bahawa kita tidak mencukupi bekalan untuk memenuhi permintaan penduduk-penduduk di Kuala Lumpur ini?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan sebentar tadi, dari segi bekalan yang terpasang kita memang sudah mencukupi. Walau

bagaimanapun ada kadang kala bekalan itu terputus, misalnya oleh kerana kontraktor-kontraktor yang menjalankan banyak pembangunan terlibat dari segi kabel-kabel yang terputus juga dan juga kadang-kadang disebabkan oleh, dengan izin, localised disruption, oleh kerana kabel-kabel itu terputus dari segi kontraktor-kontraktor ataupun dari segi, accident yang mungkin berlaku sekiranya ada, dengan izin, lightning and thunder yang kadang kala berlaku.

SISTEM PENCEGAHAN KEBAKARAN

5. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diberi oleh Kementerian beliau untuk memeriksa sistem-sistem pencegahan kebakaran di semua bangunan-bangunan Kerajaan yang utama berikutan kebakaran di Wisma Keramat. Jika ya, nyatakan bilangan bangunan lama Kerajaan di mana sistem-sistem mencegah kebakaran perlu dikemaskini. Apakah sebab berlakunya kebakaran Wisma Keramat.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, berikutan daripada kebakaran yang berlaku di Wisma Keramat, saya telah mengarahkan Jabatan Kerja Raya supaya mengadakan pemeriksaan rapi ke atas sistem pencegahan kebakaran di semua bangunan-bangunan Kerajaan yang utama.

Satu pasukan yang terdiri daripada Jabatan Kerjaraya dan Jabatan Perkhidmatan Bomba telah pun ditubuhkan bagi menjalankan pemeriksaan ini. Kerja-kerja pemeriksaan sedang dijalankan dan satu laporan mengenai keupayaan sistem pencegahan kebakaran yang sedia ada akan dikemukakan oleh Pasukan ini.

Kementerian saya memang ada rancangan untuk meningkatkan taraf sistem pencegahan kebakaran di semua bangunan Kerajaan yang utama selaras dengan kehendak Undang-undang Kecil Bangunan seragam iaitu, dengan izin, Uniform Building By-laws 1984 dan sehingga ini 13 buah bangunan telah pun dikenalpasti.

Mengenai punca kebakaran di Wisma Keramat, saya telah difahamkan bahawa penyiasatan ke atas punca kebakaran sedang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba dan laporan rasmi akan dikeluarkan tidak lama lagi.

Tuan Mohamed bin Isa: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi pemeriksaan sedang dibuat oleh Kementerian ini kepada bangunan-bangunan Kerajaan tetapi siapakah yang akan menjalankan pemeriksaan berhubung dengan sistem kebakaran yang berada di bangunan-bangunan swasta seperti hotel-hotel dan lain-lain bangunan khususnya di ibu negara ini.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, itu termasuk dalam kuasa Perkhidmatan Bomba. Mereka mempunyai banyak kuasa untuk menyiasat bangunan-bangunan yang dipunyai oleh pihak swasta.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar ataupun adakah benar sebelum kerja untuk memperbaiki bangunan Parlimen dilaksanakan tahun ini, sistem pencegahan pun tidak memuaskan, ataupun kalau saya tidak silap, tidak ada sama sekali. Kalau sedar, apakah langkah yang telah diambil untuk memastikan semua Menteri-menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat tidak menghadapi apa-apa bahaya oleh kerana kebakaran, kalau ia berlaku di Parlimen ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat ini takutkan api (*Ketawa*). Silakan.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat jangan takut sebab ini ada dalam pelaksanaan sekarang. Saya harap tidak berapa lama lagi kita akan menyiapkan bangunan. Walaupun kita siap sebahagian daripada bangunan ini sahaja, tetapi kita ada juga banyak perkara-perkara yang belum dapat diselesaikan. Saya harap sebelum bulan Mac akan datang, kita akan menyelesaikan semua masalah-masalah yang dipunyai oleh Bangunan Parlimen ini.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya jawapan-jawapan daripada Menteri itu telah menentukan bahawa tiap-tiap kali bangunan-bangunan Kerajaan atau swasta akan dijamin tidak akan berlaku kebakaran, tetapi bagi tiap-tiap jaminan itu, kebakaran itupun berlaku juga dan beberapa dokumen-dokumen mustahak daripada Kerajaan telah musnah oleh kerana kebakaran itu. Adakah Menteri yang berkenaan boleh menjamin di dalam Dewan ini sama ada selepas bulan Mac tahun depan, kebakaran itu tidak akan berlaku lagi. Bolehkah beri jaminan dalam Dewan ini?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji, saya boleh jamin kita boleh juga memasang alat-alat untuk mencegah kebakaran, tetapi saya tidak boleh jamin api ada kena atau tidak. (*Ketawa*) Saya tidak boleh, Tuhan pun saya harap boleh jamin itu. Walau bagaimanapun, saya harap kita akan menjaga perkara ini. Sebab perkara ini telah menjadi satu perkara yang mustahak kepada jiwa kita.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerian yang berkenaan dalam melaksanakan usaha memastikan bahawa semua bangunan-bangunan Kerajaan yang lama dapat diperlengkapkan dengan sistem mencegah kebakaran dan adakah masalah ini juga meliputi masalah kewangan dan sekiranya ada, bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu bagaimana Kementerian berkenaan ingin bertindak untuk mengatasinya.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banyak di antara bangunan-bangunan lama tidak didirikan sebelum kita mengadakan undang-undang kecil, 1956. Sebab itulah banyak di antara bangunan tidak mempunyai keperluan-keperluan yang dikehendaki dalam undang-undang itu, tetapi pada masa sekarang, JKR telah menjalankan siasatan. Selepas siasatan kita akan mengadakan beberapa sistem pencegah kebakaran di bangunan-bangunan Kerajaan seperti pemadam api boleh alih, dengan izin, fire extinguishers. Kedua, gelong hose, dengan izin, hose rim. Ketiga, pengesan asap, dengan izin, smoke detectors. Keempat, injap pancur basah atau kering, dengan izin, wet or dry risers. Kelima, brake glass alarm. Keenam, pili bomba. Ketujuh, sprinklers system.

Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sprinklers system ialah satu sistem untuk mencegah kebakaran, menjadi satu bahan yang sangat mahal jikalau kita suka mengadakannya di tiap-tiap bangunan. Ada juga permintaan daripada Perkhidmatan Bomba untuk mengadakan pili bomba dan lain-lain. Siapa-siapa suka boleh membeli bahan

itu dan pasang di bangunan-bangunan, tetapi apabila kita minta dia untuk mengadakan springlers system, ada juga bangunan yang berharga \$1 juta sahaja, tetapi springlers system itu berharga \$2 juta. Sebab itulah kita menghadapi beberapa masalah dan banyak di antara bangunan-bangunan tidak mempunyai springlers sistem, tetapi pada masa sekarang kita sudah menetapkan, kita mesti mengadakan springlers system. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "according to the new building By-laws" yang mana jikalau ada 250 cubic feet of building area, kita mesti mengadakan springlers system, jikalau tidak kita mesti ada compartmentation. Compartmentation dengan bahan-bahan yang tidak boleh membakar. Itulah masalah-masalahnya. Saya harap pada masa akan datang kita jaga lebih dan kita belanja lebih untuk memperbaiki bangunan-bangunan seperti apa yang kita dirikan.

SEKOLAH-SEKOLAH DI SARAWAK—PEMBINAAN

6. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian beliau mempunyai cadangan di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk membina lebih banyak lagi Sekolah Kerajaan dan Sekolah Menengah Kerajaan di Bahagian Kelima (Limbang dan Lawas) khususnya di Sarawak amnya. Jika tidak apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau supaya bangunan-bangunan sekolah lama seperti SMK Limbang, SRK Ba' Kelalan, SRK Long Tuma, SRK Ulu Merapok diganti dan dibina semula; adakah beliau bercadang supaya sebuah sekolah menengah Kerajaan ditubuhkan di kawasan Long Semadoh untuk menampung keperluan murid-murid di kawasan tanah tinggi di daerah Lawas dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian Pelajaran telah meluluskan sebanyak 6 buah sekolah rendah di Bahagian Kelima Sarawak. Pada keseluruhannya, bagi negeri Sarawak pembinaan sebanyak 30 buah sekolah rendah dan 11 buah sekolah menengah telah diluluskan. Dari jumlah 11 buah sekolah menengah itu, 9 buah daripadanya adalah sekolah baru dan bakinya adalah sekolah gantian. Kementerian Pelajaran tidak dapat memberi keutamaan kepada projek-projek gantian memandangkan peruntukan Kerajaan yang terhad.

INDUSTRI KECIL TANPA LESEN

7. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilangan industri-industri kecil yang tidak mempunyai lesen dalam Kuala Lumpur dan apakah langkah yang akan diambil untuk melesenkan mereka. Juga, adakah Kementeriannya merancang untuk menempatkan semula industri-industri kecil yang terlibat dengan projek pembangunan dalam kawasan tertentu atau kilang-kilang bertingkat pada kadar harga yang mampu oleh mereka.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, mengikut bincangan mengenai industri kecil yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya, terdapat sebanyak 4,447 buah industri yang tidak mempunyai lesen di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Dari jumlah tersebut sebanyak 1,326 buah adalah menduduki tanah-tanah Kerajaan. rizab-rizab jalan, simpangan-simpangan sungai, bekas-bekas lombong dan sebagainya.

Industri-industri yang tidak berlesen ini adalah disebabkan di antara lain seperti berikut:

- (i) terletak di atas tanah yang tidak bermilik atau atas tanah Kerajaan;
- (ii) terletak di atas tapak yang bercanggah dengan zon kegunaan tanah; dan
- (iii) terletak di bangunan yang bercanggah dengan kegunaannya.

Pemberian lesen sementara boleh dipertimbangkan sekiranya industri-industri tersebut terletak di atas tanah bermilik, sekalipun ianya bercanggah dengan zon kegunaan tanah dan kegunaan bangunan, mengikut "merit" masing-masing iaitu yang tidak menimbulkan berbagai masalah seperti pencemaran alam sekitar, kotor dan mengganggu kesihatan awam. Walau bagaimanapun, lesen tidak dapat dikeluarkan jika ianya terletak di atas tanah Kerajaan.

Langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian saya untuk mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:

- (i) mengenalpasti tanah-tanah Kerajaan yang sesuai untuk penempatan semula industri-industri kecil;
- (ii) dalam perancangan skim perumahan dan penempatan semula setingan-setingan, memperuntukkan kawasan-kawasan perusahaan ringan di mana keutamaan akan diberi kepada industri-industri yang terlibat dalam projek-projek tersebut;
- (iii) memberi galakan dan keutamaan kepada pihak swasta yang ingin memajukan tanah-tanah mereka untuk pembangunan industri-industri

ringan, termasuk pembinaan kilang-kilang bertingkat; dan

- (iv) mengadakan perhubungan erat dan kerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri Selangor, Pahang, Negeri Sembilan dan Perak bagi membantu para pekilang dan industri memperolehi tapak-tapak perusahaan berbagai jenis di luar Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Wilayah Persekutuan untuk menentukan supaya jumlah industri haram yang berjumlah lebih kurang 4,400 ini tidak meningkat lagi pada masa-masa akan datang.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian dan juga Dewan Bandaraya akan sentiasa mengawasi bahawa mana kilang-kilang haram yang baru, yang tidak memenuhi syarat-syarat yang saya perkatkan tadi, tidak akan dibenarkan sama sekali untuk berbuat demikian. Oleh hal yang demikian, maka mereka jika ingin mendirikan kilang-kilang hendaklah mendapat kebenaran terlebih dahulu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa beberapa tahun kebelakangan ini kebanyakan pekilang-pekilang kecil di kawasan setingan apabila ada projek memperbersihkan setingan itu tidak ditempatkan semula dan apakah dasar sekarang? Kerajaan hendak menukarkan dasar ini ataupun tidak?

Yang keduanya, saya difahamkan bahawa satu rancangan kilang kecil akan diadakan di kawasan Batu.

Kalau ada, bolehkah para pekilang setinggan ini ditempatkan di rancangan ini?

Yang ketiganya, satu janji diadakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan untuk mengadakan "alternative site" di Jinjang bagi pekilang-pekilang tersebut. Apakah terjadi dengan janji ini?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mungkin ketiga-tiga soalan Ahli Yang Berhormat itu boleh dijawab sekali gus.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Iaitu usaha sedang diperbuat untuk menempatkan semula setinggan-setinggan pekilang-pekilang yang berkenaan di tempat-tempat yang sesuai di dalam Wilayah Persekutuan ini, termasuklah di kawasan Batu. Tetapi memandangkan keadaan ekonomi negara tidak begitu baik pada masa ini dan Kerajaan Barisan Nasional merupakan Kerajaan yang bertimbang rasa, maka langkah yang berkenaan kita tangguhkan dahulu sehingga keadaan ekonomi pulih semula. Tetapi jika ada setinggan-setinggan kilang-kilang ini yang terlibat dengan projek-projek pembangunan, maka usaha akan diperbuat untuk memberi mereka tempat-tempat yang sesuai.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Wilayah Persekutuan mempunyai kuasa dari segi undang-undang untuk mengambil tindakan kepada kilang-kilang haram ini. Kalau ada, apakah tindakan dari segi undang-undang telah diambil?

Yang kedua, sudahkah pihak Kementerian Wilayah Persekutuan

merundingkan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berhampiran seperti yang disebutkan tadi, Pahang dan Selangor mengenai mengagihkan kilang-kilang ini ke tempat-tempat dan kawasan-kawasan industri di negeri-negeri tersebut—rundingan itu telah dibuat atau belum?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan kedua, rundingan-rundingan berkenaan sentiasa dijalankan untuk memastikan bahawa beberapa kilang di tempat-tempat yang difikirkan sesuai di negeri-negeri yang berkenaan dapat dipindahkan jika Kerajaan-kerajaan Negeri tersebut menerima ataupun menyediakan tapak-tapak yang sesuai.

Berkenaan dengan soalan yang pertama, iaitu tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian dan juga Dewan Bandaraya, ini adalah di bawah kuasa Undang-undang Bangunan yang mana kilang-kilang tersebut didirikan tanpa pelan-pelan bangunan dan juga tanpa lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya.

PEGAWAI PERGIGIAN DI HOSPITAL SABAH

8. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa hospital-hospital pergigian di Sabah terutamanya di Kota Kinabalu terdapat kekurangan doktor-doktor pergigian untuk menampung permintaan penduduk-penduduk tempatan. Seseorang itu dikehendaki menunggu selama empat hingga lima bulan untuk mendapat rawatan; mengapakah keadaan tersebut dibenarkan berlaku; apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membetulkan keadaan sedemikian.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini masalah kekurangan Pegawai-pegawai Pergigian di Negeri Sabah sedang diatasi oleh Kementerian saya. Sukacita saya memaklumkan bahawa daripada 22 jawatan Pegawai Pergigian Tingkatan Biasa bagi Negeri Sabah, 17 daripadanya telah pun diisi. Kementerian saya sedang memproses lantikan 2 orang lagi Pegawai Pergigian daripada lepasan baru dari luar negeri. Jawatan-jawatan Pegawai Pergigian Negeri Sabah kesemuanya akan dapat diisi sebelum setahun lagi.

Pada masa ini perkhidmatan pergigian di Kota Kinabalu adalah memuaskan dengan terdapatnya 4 orang Pegawai Pergigian yang ditempatkan di Hospital Besar Ratu Elizabeth. Semua kes kecemasan dan rawatan bagi kanak-kanak sekolah dapat diberi dengan kadar yang segera. Mereka yang terpaksa menunggu lebih lama daripada itu seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, adalah terhad kepada orang-orang dewasa yang memerlukan perkhidmatan tampalan sahaja di mana perkhidmatan kepada mereka telah tidak dapat diberi "priority" oleh Hospital tersebut, priority yang lebih daripada perkhidmatan kepada kanak-kanak sekolah dan sebagainya dan mereka ini terpaksa mengikut jadual "appointment" yang ditetapkan untuk mereka.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana terdapat kekurangan doktor-doktor pergigian untuk menampung permintaan penduduk-penduduk tempatan, saya ingin bertanya berapakah bilangan nisbah-nisbah doktor pergigian yang terdapat di negara kita ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ini untuk Sabah sahaja.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Ya, khasnya untuk di Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sabah sahaja.

Dato' K. Pathmanaban: Saya kena buat kira-kira, "mental arithmetic".

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Jadi jawab bertulis.

Dato' K. Pathmanaban: Tetapi dari 22 jawatan yang diwujudkan, 17 sudah pun diisi, satu purata keisian yang agak memuaskan, saya rasa.

BURUH ASING DI LADANG-LADANG

9. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Buruh menyatakan:

(a) bilangan buruh asing yang masih bekerja di—

(i) ladang-ladang swasta;

(ii) ladang-ladang Kerajaan
menjelang bulan
Oktober, 1986? Apakah
bilangan mereka yang
terdiri daripada
pendatang haram;

(b) bilangan buruh tempatan yang menganggur dan ditawarkan pekerjaan di—

(i) ladang-ladang swasta;

(ii) ladang-ladang Kerajaan
apakah bilangan mereka
yang telah menerima
tawaran ini; dan

(c) apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan untuk menarik—

(i) mahasiswa-mahasiswa;

(ii) mereka yang
diberhentikan daripada
kerja mereka; dan

(iii) lain-lain belia supaya
bekerja di ladang-ladang.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat bahagian (a) (i) dan (ii):

Mengikut rekod Jabatan Imigresen, buruh asing yang masih bekerja di ladang-ladang swasta ialah seramai 732 orang terdiri daripada 619 rakyat Bangladesh dan 113 rakyat Indonesia, manakala di ladang-ladang sektor awam tidak terdapat sebarang pekerja buruh asing sama sekali. Mengenai angka pekerja-pekerja pendatang haram pula yang masih bekerja di ladang-ladang swasta, perangkaan tidak dapat diperolehi memandangkan mereka itu masuk dan bergerak secara haram dan amat sukar dikesan.

Bagi soalan (b) (i) dan (ii):

Bilangan buruh tempatan yang menganggur dan telah ditawarkan pekerjaan di ladang-ladang swasta ialah seramai 236 orang. Daripada jumlah ini seramai 107 orang telah menerima tawaran tersebut. Bagi ladang-ladang sektor awam pula, seramai 112 orang penganggur tempatan telah ditawarkan pekerjaan dan 30 orang daripada mereka telah menerima tawaran tersebut.

Bagi soalan bahagian (c) (i), Kerajaan tidak perlu menarik minat mahasiswa-mahasiswa untuk bekerja di ladang-ladang oleh kerana mereka itu adalah daripada golongan pelajar-pelajar yang masih belajar.

Bagi soalan bahagian (c) (i) dan (ii), iaitu mengenai tindakan untuk menarik minat mereka yang telah diberhentikan kerja dan lain-lain belia supaya bekerja di ladang-ladang, Kementerian saya telah pun memberi jawapan di Dewan yang mulia ini pada 10hb Oktober baru-baru ini semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, pada 14hb

Oktober semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah dan Ahli Yang Berhormat dari Seremban dan juga pada 15hb Oktober, 1986 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Betong.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk menambah kepada jawapan yang telah diberikan itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan bilangan pekerja asing di dalam ladang-ladang Kerajaan dan swasta begitu kecil, adakah ini bermakna satu perjanjian (pact) di antara Malaysia dengan Indonesia ataupun di antara Malaysia dengan Bangladesh adalah gagal. Kalau gagal, adakah Kerajaan bermaksud hendak memansuhkan perjanjian tersebut?

Dan yang keduanya, memandangkan tidak ada jawapan untuk pekerja-pekerja dari pendatang haram, apakah Kementerian Buruh hendak buat untuk menyelesaikan perkara ini kerana bilangan yang begitu banyak yang masuk ke dalam negara yang sedang bekerja di dalam ladang-ladang swasta dan juga termasuk di skim-skim kemajuan tanah FELDA, FELCRA dan RISDA. Apakah Kementerian hendak buat untuk menyelesaikan masalah yang semakin hari semakin serius ini?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tidak bermakna jumlah yang kecil daripada dua buah negara ini pekerja asing itu menunjukkan bahawa perjanjian di antara kita dengan kedua-dua negara itu gagal.

Bagi soalan yang kedua, saya tidak terang dan minta diulang semula isinya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tak berapa jelas, perlahan-lahan sedikit.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, apakah Kementerian Buruh hendak buat untuk menyelesaikan masalah tidak dapat mengenalpastikan bilangan pendatang haram yang bekerja dengan ladang-ladang swasta dan ladang-ladang awam, termasuk skim-skim kemajuan tanah FELDA, FELCRA dan RISDA yang kononnya itu yang terbesar untuk mengupahkan bilangan pendatang haram ini. Apakah langkah yang hendak buat kerana "haram" ini digunakan untuk meniadakan tindakan Kerajaan.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa yang Kementerian saya hendak buat berkenaan dengan pendatang haram ini seperti yang disebut oleh Yang Berhormat oleh kerana bidang kuasa tersebut terletak di Kementerian yang lain. Terima kasih.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ada sebahagian besar penduduk-penduduk di kawasan ladang-ladang memegang kad pengenalan merah dan dengan keadaan kekurangan pekerja-pekerja di ladang-ladang ini, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri benarkan kegunaan tenaga dengan kad pengenalan merah ini sebagai pekerja-pekerja di ladang-ladang?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, boleh.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, apakah Kerajaan bercadang untuk menggantikan buruh-buruh asing seperti yang disebutkan tadi, baik daripada Bangladesh atau Indonesia dengan buruh-buruh tempatan memandangkan kadar pengangguran di kalangan rakyat negara ini adalah tinggi.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang pernah saya jelaskan dalam Dewan ini memanglah menjadi hasrat Kerajaan, malahan dasar untuk memberikan ataupun menyediakan semua peluang-peluang pekerjaan ini kepada rakyat kita. Walau bagaimanapun, kita dapati sambutan daripada warganegara kita sendiri bagi pekerja-pekerja di ladang ini kurang memuaskan dan tidak mendapat sambutan yang baik. Oleh sebab itu, maka ada lagi buruh-buruh asing bekerja di ladang-ladang seperti disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Kalau sekiranya rakyat kita bersedia untuk mengambilalih tugas-tugas ini daripada buruh-buruh asing memanglah tempat-tempat ini akan diberikan kepada buruh warganegara kita sendiri.

RUMAH KOS RENDAH— MENSWASTAKAN

10. Tuan Hsing Yu Shean minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan atau tujuan untuk menswastakan rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh Kerajaan. Jika ia, adakah rancangan ini bertentangan dengan tujuan utama Kerajaan membantu kumpulan berpendapatan rendah dan sama ada rancangan ini akan membebaskan lagi penghuni-penghuni rumah kos rendah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk menswastakan projek-projek perumahan awam kos rendah yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan sekarang ini. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima sebanyak 45,800 unit rumah kos rendah yang telah dikenalpasti untuk pelaksanaan akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri melalui pembiayaan

Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun, bagi menambahkan lagi pembinaan rumah-rumah kos rendah serta mempergiatkan pertumbuhan ekonomi negara, Kerajaan sememangnya menggalakkan pembangunan perumahan secara penswastaan. Ini meliputi pembinaan rumah jenis kos rendah.

Projek-projek perumahan kos rendah yang dilaksanakan melalui penswastaan oleh Kerajaan adalah tidak bertentangan dengan tujuan utama Kerajaan untuk membantu golongan pendapatan rendah menikmati kemudahan perumahan tanpa membebankan mereka. Semua projek yang diswastakan adalah dikawal dari segi harga jualan rumah-rumah yang dibina. Had harga jualan yang tidak melebihi sebanyak \$25,000 seunit masih dikekalkan. Pelaksanaan secara penswastaan di mana beberapa kemudahan disediakan oleh Kerajaan juga boleh mengurangkan kos keseluruhan projek dan secara langsung menurunkan harga rumah-rumah yang dibina.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan Belanjawan baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan bahawa kemajuan pelaksanaan skim rumah kos rendah ini adalah tidak memuaskan. Apakah sebab-sebab berlakunya perkara ini terutama di peringkat Negeri? Apakah perancangan Kerajaan ataupun cara Kerajaan bagi mengatasi kelembapan pembinaan rumah-rumah kos rendah ini bagi mencapai target 80,000 unit setahun?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, suka saya menerangkan bahawa yang saya jawab tadi adalah berkenaan dengan rumah kos rendah yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan saya telah pun tambah menjelaskan tentang rumah-rumah kos rendah yang telah diswastakan.

Apa yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah berkenaan dengan rancangan perumahan khas iaitu seperti yang dicadangkan oleh Kerajaan, pembinaan 80,000 unit bagi setiap tahun. Bagi tahun (Jun) 1986 hingga 1987 jumlah sebanyak 80,000 unit telah pun dicadangkan dibina oleh pihak swasta. Sebenarnya mengikut cadangan ini kita memerlukan kerjasama daripada beberapa pihak oleh kerana pembinaan perumahan adalah melibatkan beberapa pihak. Yang pertama, Kerajaan-kerajaan Negeri, yang kedua, pihak swasta, yang ketiga, bank-bank untuk mendapat pinjaman dan juga memperuntukkan jumlah kewangan yang perlu untuk membina rumah-rumah. Maka oleh kerana kita masih dalam preliminary stage ataupun keadaan yang awal, kita telah menghadapi beberapa masalah yang sedang diatasi. Jadi, apabila Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan, beliau telah menyebutkan bahawa rancangan ini kurang memuaskan dari segi pelaksanaan. Segala persiapan telah dibuat dan kita adalah dalam proses untuk mengatasi masalah-masalah yang masih wujud.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Kerajaan telah mengumumkan mengenai penurunan harga simen pada \$3-\$4 sekampit. Adakah dengan pengumuman harga simen ini Kerajaan boleh menimbangkan semula harga kos pembinaan rumah murah ini daripada harga yang ditetapkan sekarang tidak lebih \$25,000. Bolehkah harga itu dikurangkan lagi?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, harga bagi rumah kos rendah yang ditetapkan adalah tidak melebihi \$25,000. Kerajaan tidak menggalakkan sesiapa mana pihak untuk menjualkan rumah-rumah ini

lebih daripada \$25,000. Kita sentiasa mengambil tindakan-tindakan untuk mengurangkan harga kurang daripada \$25,000 seunit dan daripada langkah-langkah yang telah pun diambil ialah penurunan harga simen. Dengan penurunan harga simen, kita berharap bahawa pemaju-pemaju perumahan dapat menyiapkan rumah-rumah dengan kos yang rendah dan akan menjual rumah-rumah kos rendah itu dengan harga kurang daripada \$25,000.

MAKTAB UNIVERSITI ASEAN

11. Tuan Abdul Mulok Awang Damit minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan hendak meneruskan pembinaan sebuah Maktab Universiti ASEAN yang pernah dirancang dulu yang mana tapak untuk maksud ini difahamkan telah pun disediakan di Labuan. Kerajaan hendaklah mengambil berat terhadap perkara ini memandangkan tempat-tempat di universiti-universiti tempatan memang tidak mencukupi untuk menampung keperluan pelajar yang kian bertambah.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang menubuhkan Universiti ASEAN di Labuan ataupun di lain-lain tempat. Walau bagaimanapun, untuk menggalakkan kerjasama antara institusi pengajian tinggi di rantau ini, perhubungan dua-hala telah dijalankan melalui pertukaran pelajar dan kakitangan akademik.

Dalam usaha untuk menampung lebih ramai pelajar, Kerajaan sentiasa berusaha untuk membesarkan kampus-kampus institusi pengajian tinggi tempatan dan juga menyediakan kelengkapan yang mencukupi untuk pelajar-pelajar.

JAMBATAN PULAU PINANG— PUNGUTAN TOL

12. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan membenarkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memungut tol Jambatan Pulau Pinang memandangkan negeri Pulau Pinang ialah negeri miskin yang tidak mempunyai sumber alam.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan tidak ada cadangan untuk membenarkan Kerajaan Negeri memungut tol Jambatan Pulau Pinang.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sehingga hari ini berapakah jumlah kutipan tol bagi Jambatan Pulau Pinang dan dari segi kutipan bulanan secara hitung panjang berapakah kutipan yang telah pun dibuat dan kutipan ini adakah memuaskan dari segi membayar balik pinjaman yang dibuat untuk kos perbelanjaan pembinaan Jambatan tersebut?

Soalan yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, adakah kutipan tol ini memadai dan adakah wajar untuk disimpan oleh Kerajaan Persekutuan kalau kutipan ini amat kecil sekali, sama ada patut disimpan ataupun diberi kepada Kerajaan Pulau Pinang?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk 12 bulan yang pertama kita telah mengutip lebih kurang \$18 juta. Kutipan di Jambatan Pulau Pinang untuk tiap-tiap bulan kurang \$1.5 juta sahaja tetapi kutipan itu tidak mencukupi untuk membayar balik faedah pun, jangan kita kira pokok, faedah pun tidak

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Bunga (*Ketawa*).

Dato' S. Samy Vellu: Bunga sahaja. Bunga yang dikenakan oleh institusi-institusi kewangan yang telah meminjamkan wang itu lebih daripada \$80 juta tetapi apa yang kita kutip \$18 juta sahaja. Oleh kerana kita kutip \$18 juta bukan bererti kita beri balik kepada Pulau Pinang, Pulau Pinang pun sudah menerima beberapa banyak projek daripada Persekutuan. Saya tidak ada apa-apa rancangan untuk memberi balik kutipan ini kepada mereka. Tetapi saya ada juga cadangan-cadangan baru untuk mendapat lebih orang menggunakan Jambatan Pulau Pinang itu. Saya akan mengumumkan cadangan itu selepas saya mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri.

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan sambutan yang diberi oleh orang ramai terhadap penggunaan Jambatan tersebut tidak begitu memuaskan, adakah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan kadar bagi menggalakkan lebih banyak orang ramai menggunakan Jambatan itu?

Dato' S. Samy Vellu: Jikalau Ahli Yang Berhormat boleh janji kepada saya ramai penduduk-penduduk di Pulau Pinang boleh gunakan Jambatan itu, esok saya kurangkan harga itu (*Ketawa*) beberapa peratus, jikalau ada juga ramai pengguna-pengguna yang sedang menggunakan feri dan lain-lain suka dan boleh menggunakan Jambatan itu, saya suka menarik perhatian mereka ada juga dalam rancangan saya untuk mendapatkan kelulusan daripada Jemaah Menteri dalam tempoh satu atau dua minggu yang mana kita akan mengurangkan harga feri tidak beberapa lama lagi. Tetapi saya tidak boleh memberitahu kepada Dewan yang mulia ini berapakah kita akan kurangkan, tetapi saya ada cadangan untuk mengurangkan, saya tahulah macam

manakah hati mereka, iaitu penduduk-penduduk dari Pulau Pinang, jikalau mereka suka menggunakan Jambatan itu lebih ramai daripada apa yang mereka gunakan sekarang, kita boleh timbangkan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Speaker, soalan tambahan. Berapakah jumlah, dengan izin, maintenance cost tiap-tiap tahun untuk menjaga Jambatan Pulau Pinang ini?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, maintenance cost lebih kurang \$2 juta sahaja.

AKTA PELAJARAN 1961— PINDAAN

13. Dr V. David minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan membatalkan seksyen 21 (2) Akta Pelajaran, 1961 dan bertimbang untuk menggalakkan pengajaran dan pengajian bahasa Cina dan Tamil bersama-sama dengan Bahasa Malaysia.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedang mengkaji semula secara terperinci Akta Pelajaran, 1961 termasuk Fasal 21 (2), dengan tujuan mengemaskinikan semua peruntukan undang-undang. Kajian yang menyeluruh ini akan membolehkan Dasar Pelajaran Kebangsaan dilaksanakan dengan lebih berkesan, demi mencapai perpaduan negara yang berasaskan prinsip-prinsip Rukunegara dan selaras dengan matlamat utama Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Untuk menjawab bahagian kedua soalan Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sedang mengkaji untuk mengatur pengajaran Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil dalam jadual waktu Sekolah Rendah dan

Sekolah Menengah mulai tahun 1988 apabila terdapat murid-murid yang ingin belajar Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil di sekolah berkenaan. Pusat Perkembangan Kurikulum di Kementerian Pelajaran sedang mengkaji kombinasi matapelajaran yang harus diajar di bawah KBSM dan juga agihan masa untuk pengajaran setiap matapelajaran. Kementerian saya akan membuat sesuatu keputusan apabila semua kajian ini sudah disiapkan. Dijangka langkah-langkah yang positif ini akan menggalakkan murid-murid mempelajari kedua-dua bahasa itu.

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham macam mana soalan ini ada bersangkutan dengan Rukunegara. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan party dia sendiri macam mana dia punya "stand", dengan izin, atas soal ini mahu hapuskan bahasa Mandarin dan Tamil, sebab saya nampak kalau tidak ditarik balik seksyen 21 (2) dalam Akta Pelajaran, pada masa akan datang bahasa Mandarin dan bahasa Tamil boleh dihapuskan. Macam mana dia punya "stand", dengan izin?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan stand saya sendiri. Ini satu stand Kementerian Pelajaran dan langkah-langkah yang positif sudah diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk menggalakkan murid-murid untuk belajar bahasa Cina dan bahasa Tamil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam Akta Pelajaran 1961, dengan jelasnya dinyatakan bahawa pelajaran bahasa Mandarin dan bahasa Tamil adalah matapelajaran yang diwajibkan di SRJK (C) dan SRJK (T) masing-masing. Di Sekolah Kebangsaan pula asalkan ibu bapa kepada 15 orang murid memohon untuk belajar bahasa Mandarin atau bahasa Tamil, maka pihak sekolah hendaklah berikhtiar

mengadakan kelas berkenaan. Adalah wajar ditegaskan bahawa pelajaran bahasa Mandarin dan bahasa Tamil ini adalah terbuka kepada murid-murid semua bangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat lagi, Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan juga memperakukan supaya pihak Kementerian Pelajaran berikhtiar menyediakan kemudahan dan latihan lebih ramai guru untuk mengajar bahasa Mandarin dan Tamil di sekolah rendah dan sekolah menengah.

Sehubungan dengan ini Kementerian telah pun mengambil langkah-langkah untuk melatih lebih ramai guru bahasa Mandarin dan bahasa Tamil. Permintaan daripada murid-murid untuk belajar bahasa Mandarin dan bahasa Tamil memang sangat digalakkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamad Amin bin Haji Daud): Jangan panjang sangat Yang Berhormat, soalnya pendek sahaja (*Ketawa*). Tolong ringkaskan.

Tuan Woon See Chin: Ya. Setakat ini sebanyak 82.6% kelas bahasa Mandarin dan 50% kelas bahasa Tamil telah dapat diadakan dalam jadual waktu biasa dan pada masa sekarang Kementerian telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk mengkaji masalah-masalah yang berkaitan dengan pelajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil untuk matlamat seperti melatih guru-guru bahasa Mandarin dan bahasa Tamil yang mencukupi dan menyemak dan mengemaskinikan kurikulum bagi bahasa Mandarin dan bahasa Tamil.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya pendek. Adakah benar bahawa Kerajaan tidak berhasrat untuk mengemukakan pindaan kepada Akta Pelajaran, Fasal

21 (2) mengenai memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri menukarkan sekolah-sekolah bahasa Cina dan Tamil. Kalau ini benar, kenapa Kerajaan Barisan Nasional sudah tidak mahu mengkotakan janji yang dibuat dalam Pilihanraya Umum khasnya oleh MCA dan Barisan Nasional bahawa dalam mesyuarat yang pertama Parlimen, satu Rang Undang-undang untuk pindaan kepada Fasal ini akan dikemukakan. Kenapa ini dipecahkan seperti yang dibayangkan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh hari ini (*Tepuk*).

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, apa-apa janji yang diberikan oleh tiap-tiap satu parti komponen Barisan Nasional akan dihargai oleh Kerajaan Barisan Nasional dan akan memberi perhatian yang berat kepada semua parti-parti komponen Barisan Nasional. Sebab itu Fasal 21 (2) adalah satu Fasal yang akan dikaji dengan perhatian yang berat untuk memuaskan hati kepada golongan-golongan di seluruh negara kita ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran itu, maka selesailah Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut untuk hari ini.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 14 hingga 19 adalah diberi di bawah ini).

LAWATAN KE CHINA— KEBENARAN

3. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa selepas perhubungan diplomatik diisytiharkan lebih 12 tahun dahulu dan selepas lawatannya ke Republik Rakyat China, Kerajaan masih enggan membenarkan rakyat Malaysia menggunakan kebebasan

untuk melawat Republik Rakyat China sedangkan rakyat Malaysia dibenarkan melawat Soviet Union oleh Kerajaan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan memang membenarkan warganegara Malaysia membuat lawatan ke Republik Rakyat China untuk tujuan-tujuan tertentu, seperti melawat keluarga mereka yang masih ada di sana, mendapatkan rawatan perubatan dan berniaga. Lawatan bagi tujuan-tujuan lain yang tidak penting dan tidak benar-benar perlu walau bagaimanapun tidak dibenarkan memandangkan Parti Komunis China masih enggan memutuskan hubungannya dengan Parti Komunis Malaya.

PENUBUHAN PERSATUAN PELAJAR-PELAJAR MAKTAB/UNIVERSITI

14. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pernyataan oleh Timbalan Menteri Pelajaran Yang Berhormat Woon See Chin pada 8-9-1986, bahawa pertubuhan/perbadanan baru siswa-siswi di Universiti dan Maktab tidak akan mendapat kelulusan jika keahlian mereka terdiri daripada suatu kaum sahaja, menggambarkan dasar baru, jika kini jadi dasar baru, sila sebut sama ada semua pertubuhan/perbadanan perkauman akan disuruh disusun semula.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kenyataan Timbalan Menteri Pelajaran itu bukanlah merupakan satu dasar baru. Perkara tersebut telah pun berjalan sejak dahulu lagi. Sememangnya pihak Kementerian tidak menggalakkan penubuhan persatuan/badan oleh pelajar-pelajar maktab dan siswa-siswi di universiti tempatan yang mana keahliannya

terdiri daripada satu kaum sahaja. Ini ialah untuk mengelakkan wujudnya polarisasi kaum di universiti-universiti tempatan.

SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN JIT SIN

15. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan bertanggungjawab seratus persen di dalam segala macam perbelanjaan atas perpindahan dan pembinaan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Jit Sin, Bukit Mertajam kelak. Jika tidak, berikanlah alasannya.

Tuan Woon See Chin Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sukacita dinyatakan di sini bahawa Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Jit Sin adalah Sekolah Bantuan Modal. Oleh kerana itu Kerajaan tidaklah bertanggungjawab ke atas perbelanjaan perpindahannya.

Bagaimanapun, Kementerian boleh mempertimbangkan permohonan pihak Lembaga Pengurus Sekolah untuk menanggung sebahagian daripada kos pembangunan sekolah, tetapi akan tertakluk kepada peruntukan dan kemampuan Kementerian yang sedia ada; dan juga keutamaan sesuatu projek berkenaan yang akan ditentukan oleh Kementerian Pelajaran.

MAJLIS PERBADANAN/MAJLIS TEMPATAN—LANTIKAN AHLI

16. Dr V. David minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah beliau akan menimbang semula cadangan mengadakan pilihan secara berundi Ahli-ahli Majlis Perbandaran dan Majlis Tempatan di segala peringkat, kerana merekalah yang bertanggungjawab sepenuhnya kepada pembayar-pembayar cukai.

Dato' S. Subramaniam: Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pilihanraya di pihak Berkuasa Tempatan. Oleh yang demikian, perlantikan Ahli-ahli Majlis daripada kalangan-kalangan orang-orang kenamaan di sesuatu kawasan Pihak Berkuasa Tempatan akan diteruskan. Pada masa ini, kerajaan berpuashati dengan urusan pihak-pihak Berkuasa Tempatan di mana tidak ada sebarang perkara yang tidak boleh diselesaikan oleh mereka. Sekiranya pembayar-pembayar cukai ada aduan-aduan ke atas peranan dan tanggungjawab pihak Berkuasa Tempatan, mereka ini boleh mengemukakan aduan-aduan tersebut kepada pihak Berkuasa Tempatan melalui Ahli-ahli Majlis Berkenaan.

Daripada maklumbalas yang diterima oleh Kerajaan didapati Ahli-ahli Majlis telah menunjukkan kebolehan dan perkhidmatan mereka dengan baik. Ahli Majlis juga selalu dikunjungi oleh orang ramai untuk meminta bantuan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka.

PELAJAR-PELAJAR LABUAN— TAWARAN BIASISWA

17. Tuan Abdul Mulok Awang Damit minta Menteri Pelajaran menyatakan setakat ini berapa ramaikah pelajar-pelajar dari Labuan ditawarkan biasiswa Kerajaan Persekutuan, biasiswa Kementerian Pelajaran atau pihak Mara, bagi mereka yang mahu melanjutkan pelajaran di universiti-universiti tempatan atau seberang laut, sejak Labuan di bawah pentadbiran Wilayah Persekutuan dan adakah Kerajaan untuk menambah bilangan tawaran biasiswa kepada mereka yang berkelayakan.

Tuan Woon See Chin: Setakat ini bilangan pelajar dari Wilayah Persekutuan Labuan yang telah dihidiahkan Biasiswa Kerajaan

Persekutuan di universiti-universiti tempatan dan seberang laut ialah seramai 16 orang. Kerajaan sentiasa menimbangkan pemberian biasiswa kepada mereka yang berkelayakan dan sesuai tanpa mengikut negeri.

PENDATANG HARAM—JUMLAH

18. Tuan Hu Sepang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang Kerajaan bercadang mengambil terhadap pendatang-pendatang haram Indonesia yang bukan sahaja menafikan rakyat Malaysia rezeki mereka tetapi juga telah melakukan pelbagai jenayah di negara ini yang menyebabkan kerugian nyawa dan harta-benda.

12-11-1986

14. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah jumlah orang pendatang haram, mengikut negara asalnya, yang sudah

dihantar balik kepada negara masing-masing pada tahun 1982, 1983, 1984, 1985 dan pertengahan awal tahun 1986.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Saya memohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan yang Berhormat Ahli dari Petaling Jaya bertarikh 12 November 1986 oleh kerana 2 soalan itu mempunyai maksud yang hampir sama.

Kerajaan sentiasa mengambil tindakan tegas untuk menangkap, mendakwa dan mengusir keluar semua pendatang haram yang dikesan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia tanpa mengira negara asal mereka. Jumlah pendatang haram, termasuk pendatang haram Indonesia, yang telah dihantar balik ke negara asal masing-masing dari tahun 1982 hingga akhir bulan Jun 1986 adalah seperti berikut:

	<i>Tahun</i> <i>Kewarganegaraan</i>	1982	1983	1984	1985	31 Ogos 1986
1.	Amerika	—	1	—	1	1
2.	Sri Lanka	6	5	—	33	—
3.	Bangladesh	67	129	99	181	123
4.	Burma	183	449	985	895	410
5.	British	1	1	—	1	1
6.	Filipina	—	—	1	5	524
7.	Indonesia	2,910	4,573	6,647	12,582	6,032
8.	India	65	40	60	102	11
9.	Kampuchea	—	50	11	53	—
10.	Nepal	—	—	10	2	—
11.	Pakistan	46	54	50	78	2
12.	Singapura	26	28	47	35	1
13.	Thailand	2,067	3,002	2,967	5,771	1,443
14.	Vietnam	—	4	3	5	—
15.	Taiwan	—	—	—	—	16
16.	Lain-lain	61	98	17	10	3
	JUMLAH ..	5,432	8,434	10,897	19,854	8,577

Selain daripada tindakan yang diambil ke atas pendatang haram yang dikesan, Kementerian Dalam Negeri juga telah menguatkan lagi kawalan di pintu-pintu masuk rasmi negara ini, di samping mengetatkan rondaan di kawasan-kawasan sempadan daratan dan perairan Malaysia. Tindakan ini dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia berkenaan.

Ini adalah bertujuan untuk mencegah kemasukan warganegara asing secara haram ke negara ini.

Mengenai pendatang haram Indonesia, sukacita saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini iaitu pihak-pihak berkenaan di Indonesia merasakan bahawa kerjasama erat antara Indonesia dengan Malaysia perlu diwujudkan bagi mengatasi masalah ini. Baru-baru ini, saya sendiri telah mengadakan perbincangan dengan pihak berkuasa Indonesia khusus mengenai masalah pendatang haram Indonesia. Pihak Indonesia benar-benar ingin melihat masalah ini dikawal dan dibendung. Untuk menunjukkan kesungguhan mereka, pihak Indonesia telah menempatkan seorang pegawai khas di Malaysia yang bertanggungjawab bagi mengatasi masalah pendatang haram Indonesia.

KOMPLOT YAHUDI

19. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada terdapat Komplot Yahudi untuk mencemarkan reputasi pemimpin-pemimpin Kerajaan Malaysia, dan jika ya, beri butir-butir lanjut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Pertanyaan yang sama maksudnya telah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat bagi Seremban pada 10 Oktober yang lalu. Saya tidak ada apa-apa perkara yang hendak ditambah.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG RAHSIA RASMI (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminta Akta Rahsia Rasmi, 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasaan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,672,535,390 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1987, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 tahun 1986, adalah diuntukkan di bawah

maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut. (24hb Oktober, 1986).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamad Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

3.37 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, pada hari Jumaat, apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan tahun 1987, beliau telah menggambarkan ekonomi Malaysia sebagai lembab dan muram. Yang Berhormat Menteri juga berkata bahawa rakyat Malaysia seharusnya bersedia untuk menghadapi satu tempoh pertumbuhan yang rendah dalam pengeluaran sebenar untuk beberapa tahun yang akan datang ini. Akibat kejatuhan harga barangan utama yang begitu teruk, nilai eksport barangan utama akan berkurangan sebanyak \$5,900 juta berbanding dengan tahun 1985.

Akibat dari, Keluaran Dalam Negara Kasar semasa (KDNK) dijangka turun sebanyak 8.1% dalam tahun 1986 yang akan menyebabkan pendapatan per kapita menurun sebanyak 15.7%—sungguhpun ini bercanggah dengan apa yang dinyatakan—kepada \$4,094 dalam tahun 1986, berbanding dengan tahun 1985. Defisit akaun semasa dalam imbalan pembayaran dijangka merosot kepada \$3,237 juta tahun ini berbanding dengan \$1,795 juta dalam tahun 1985, sementara defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat dari \$5.7 billion pada tahun 1985 kepada \$8.9 billion tahun ini. Dan defisit keseluruhan sektor awam yang meliputi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri serta Perusahaan-perusahaan Awam Bukan Kewangan (NFPE)

dianggarkan meningkat dari \$7.5 billion dalam tahun 1985 kepada \$12.5 billion dalam tahun 1986.

Hutang luar sektor-sektor awam telah melambung sehingga \$40 billion dalam tahun ini sementara kadar pengangguran telah meningkat kepada 8.7% dalam tahun 1986, iaitu satu tahap yang paling tinggi semenjak pelancaran Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tahun 1987, Yang Berhormat Menteri telah meramalkan kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 1% dan kadar pengangguran akan meningkat kepada 9.5%. Walau bagaimanapun, dengan mengambil kira ramalan-ramalan Belanjawan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri pada masa-masa lampau, kemungkinan besar ramalan-ramalan beliau kali ini juga tidak akan begitu tepat.

Sebagai misalan, Yang Berhormat Menteri telah meramalkan semasa membentangkan Belanjawan tahun 1985 pada 19hb Oktober, 1984 yang juga merupakan ucapan sulungnya bahawa kadar pertumbuhan ekonomi negara akan mencapai 6.7% dalam tahun 1985.

Dalam ucapan Belanjawan tahun 1986 pula, beliau telah menyemak semula kadar pertumbuhan ekonomi negara kepada 5.2%. Akan tetapi dalam ucapan Belanjawan tahun 1987 yang dibentangkan minggu lepas, kita telah diberitahu bahawa Malaysia telah mengalami kadar pertumbuhan yang negatif di mana KDNK sebenar merosot sebanyak 1% dalam tahun 1985.

Maka dengan sebab itu, Yang Berhormat Menteri telah menjadi satu-satunya Menteri Kewangan Malaysia yang membawa negara kita ke arah pertumbuhan ekonomi yang negatif sejak merdeka dalam tahun 1957 walaupun beliau telah meramalkan kadar pertumbuhan

6.7% pada bulan Oktober 1984 dan seterusnya menyemak semula kadar itu kepada 5.2% dalam bulan Oktober 1985.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan bagaimana ramalan kadar pertumbuhan ekonomi tahun 1985 yang dibuat oleh pakar-pakar beliau dalam Perbendaharaan begitu tidak tepat walaupun ramalan itu telah dibuat dalam bulan Oktober tahun itu—ataupun apakah angka-angka itu diramalkan bukan berdasarkan kepada data-data dan trend-trend ekonomi tetapi dipengaruhi oleh pertimbangan pilihanraya umum.

Memandangkan kepada contoh tersebut, kita tidak dapat menolak kemungkinan bahawa kedua-dua ramalan pertumbuhan ekonomi negara sebanyak 5% dalam tahun 1986 walaupun ia dijangkakan mencapai 6% dalam bulan Oktober tahun lepas dan 1% dalam 1987 tidak akan pula tercapai matlamat dengan tetap dan sebaliknya sepertimana dengan pendapatan per kapita kita, ekonomi kita akan mengalami kadar pertumbuhan yang negatif untuk tiga tahun berturut-turut.

Semasa membentangkan Belanjawan tahun 1985 dalam bulan Oktober 1984, Yang Berhormat Menteri telah meramalkan pendapatan per kapita bagi tahun 1985 sebagai sebanyak \$5,061 yang disemak semula kepada \$4,900 dalam bulan Oktober 1985 dan kita kini diberitahu bahawa pendapatan per kapita negara sebenarnya telah merosot sebanyak 5.7% dalam tahun 1985 kepada \$4,581 dan ia dijangka akan merosot sebanyak 10.6% dalam tahun 1986 kepada \$4,094 dan dalam tahun 1987 ia akan merosot lagi sebanyak 2.5% kepada \$3,993.

Di lain-lain negara, seorang Menteri Kewangan yang begitu tersilap dalam membuat ramalan-ramalan ekonomi

dan belanjawan sudah pasti akan meletak jawatan atau ditukar ke lain Kementerian. Tetapi ini tidak berlaku di Malaysia.

Belanjawan tahun 1987 telah disifatkan oleh pihak-pihak tertentu sebagai belanjawan yang tidak membebankan golongan berpendapatan rendah. Golongan berpendapatan rendahlah yang menjadi mangsa yang paling teruk akibat kemelesetan ekonomi yang berterusan di negara ini dengan pertumbuhan ekonomi yang negatif, pemberhentian kerja secara besar-besaran, kadar pengangguran yang tinggi dan pendapatan yang makin berkurangan dan Belanjawan 1987 hendaklah diuji dari segi apakah relif ia boleh memberi kepada golongan ini dan bukan apakah beban yang ia boleh mendatangkan atas golongan ini.

Namun begitu, golongan berpendapatan rendah tidaklah terkecuali dari beban belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sebagai misalan, cadangan Menteri Kewangan untuk mengenakan atau menaikkan yuran dan pembayaran rawatan pesakit luar termasuk ubat dan rawatan hospital, pengkajian semula skim pinjaman buku teks dan program amalan makanan akan menjejaskan teruk golongan berpendapatan rendah.

Kenaikan 50% dalam kadar faedah bagi pinjaman perumahan dan kereta bagi pekerja-pekerja Perkhidmatan Awam dalam Kategori C akan juga menyebabkan kesusahan dan adalah perlu pekerja-pekerja Kategori C dikecualikan daripada kenaikan ini seperti pekerja-pekerja Kategori D.

Rakyat Malaysia tertunggu-tunggu pada hari pembentangan Belanjawan, kerana ingin mengetahui sama ada Yang Berhormat Menteri akan membentangkan satu Belanjawan yang dapat memulakan proses pemulihan semula ekonomi negara kita tetapi

malangnya mereka tidak mendapat jawapan kepada persoalan ini. Di sebaliknya rakyat Malaysia merasa seolah-olah belum terdapat sesuatu yang dapat mengatasi kelembapan ekonomi kita.

Yang Berhormat Menteri menuntut bahawa strategi Belanjawan tahun 1987 yang dibentangkan oleh beliau itu bertujuan menggalakkan perkembangan yang sederhana dan kestabilan dalam ekonomi negara kita dengan:

- (i) mengurangkan peranan sektor awam di dalam ekonomi dan memperkukuhkan kedudukan kewangannya;
- (ii) menggalakkan pertumbuhan eksport serta mengurangkan import untuk memperbaiki Imbangan Pembayaran; dan
- (iii) memperbaiki suasana pelaburan untuk memperkembangkan pelaburan swasta dan meningkatkan keyakinan pihak swasta.

Belanjawan tahun 1987 dengan nyatanya menunjukkan bahawa strategi belanjawan Kerajaan yang dibentangkan tidaklah merupakan satu strategi kerana ia cuma mengharapakan ekonomi akan pulih dalam jangkamasa yang paling singkat sekali. Selain daripada beberapa langkah untuk memperbaiki pungutan hasil, tiada percubaan dibuat untuk mencari sumber-sumber hasil yang baru.

Sebagai misalan, harga antarabangsa barangan utama telah menurun tetapi Kerajaan mahu pun rakyat jelata tidak menikmati sebarang faedah dari kejatuhan harga ini. Harga minyak mentah telah turun sebanyak 60% dalam masa setahun kebelakangan ini tetapi harga pasaran petroliaam pam cuma diturunkan sebanyak kira-kira 10% sahaja. Perbezaan paras harga ini tidak seharusnya dijadikan sebagai

keuntungan tambahan bagi syarikat-syarikat petroliaam tetapi perlu dipindahkan menjadi hasil Kerajaan ataupun dalam bentuk penurunan harga barangan petroliaam untuk pengguna-pengguna. Gejala ini juga berlaku dalam barangan seperti gula dan komoditi-komoditi lain di mana penurunan harga antarabangsa tidak dicerminkan dalam pasaran tempatan.

Kerajaan kini bergantung kepada proses penswastan yang lebih cepat dan berkesan untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan. Salah satu sebab mengapa penswastan dilakukan ialah kerana kepercayaan para usahawan swasta boleh menguruskan industri-industri dengan lebih berkesan serta mengusahakan pelbagai perkhidmatan dengan lebih cekap, dan dengan perbelanjaan yang kurang berbanding dengan Kerajaan.

Tetapi Yang Berhormat Menteri Kewangan telah secara awam melahirkan rasa sangsinya bahawa "sektor swasta adalah tidak lebih berkesan atau agresif daripada sektor awam."

Namun demikian, kepentingan awam menuntut supaya satu perbincangan awam yang sepenuhnya mengenai pro dan kontra penswastan mana-mana perkhidmatan atau industri harus diadakan terutamanya sekali memandangkan Kerajaan nampaknya begitu minat untuk menggantikan satu monopoli awam dengan satu monopoli swasta seperti berlaku dalam Syarikat Telekom Malaysia Bhd.

Seorang ahli ekonomi dengan Institut Kajian Strategi dan Antarangsa (ISIS) yang juga adalah seorang pensyarah di UKM, Profesor Ismail Mohd. Salleh baru-baru ini telah menarik perhatian bahawa sebuah monopoli swasta mungkin lebih teruk daripada sebuah monopoli awam, kerana sebuah monopoli awam terpaksa mengambil kira keperluan para pengguna.

Saya ingin tambah di sini bahawa satu lagi sebab ialah sebuah monopoli awam akan tertakluk kepada pengakaunan awam dan Parlimen berbanding dengan sebuah monopoli swasta.

Menurut Profesor Ismail, Kerajaan nampaknya tidak mempunyai apa-apa strategi dan perancangan yang sesuai untuk menjalankan kegiatan-kegiatan penswastaan. Ia juga tidak menjelaskan, apakah kriteria yang digunakan untuk memilih bidang-bidang untuk diswastakan.

Hal ehwal ekonomi dan kewangan negara telah dijalankan dengan penuh rahsia oleh Kerajaan dan ini telah menyebabkan Malaysia mengalami krisis-ekonomi yang paling teruk sekali dalam sejarah dan sudahlah sampai masanya bagi Kerajaan untuk berterus terang dan menjadi lebih responsif terhadap pandangan-pandangan awam berkait dengan dasar-dasar dan strategi-strategi ekonominya.

Dalam pada ini saya menyeru Kerajaan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyiasat ke atas penswastaan yang mengandungi ahli-ahli ekonomi, pentadbir-pentadbir dan orang-orang awam yang termasyur untuk mengkaji dan memperakukan strategi-strategi dan prinsip-prinsip penswastaan supaya kita tidak akan menghadapi satu keadaan di mana penswastaan cuma merupakan jalan singkat untuk mencipta jutawan-jutawan baru tanpa memperbaiki perkhidmatan yang diswastakan atau menjaga kepentingan awam.

Walau Kerajaan telah mengumumkan keazamannya untuk mengurangkan defisit besar dalam akaun perkhidmatan Imbangan Pembayaran setiap tahun apabila belanjawan negara dibentangkan, namun defisit dalam akaun perkhidmatan telah melebihi \$10,000 juta sejak 1984. Yang Berhormat Menteri telah berkata bahawa salah

satu item dalam akaun perkhidmatan yang menyumbang ke arah defisit ini ialah pengaliran keluar wang dalam bentuk yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pelajar-pelajar kita di seberang laut yang berjumlah 1.177 juta dalam tahun 1985.

Untuk mengurangkan pengaliran wang pertukaran asing ini, Kerajaan akan menggalakkan penubuhan kolej-kolej swasta khasnya kolej yang boleh menjalin hubungan dengan universiti-universiti yang terkemuka di seberang laut. Yang Berhormat Menteri Kewangan juga telah mengumumkan bahawa mulai tahun depan, universiti-universiti tempatan akan dikehendaki menambah pengambilan pelajar-pelajar untuk menampung permintaan bagi pelajaran tinggi tanpa menambahkan kakitangan dan kemudahan-kemudahan yang sedia wujud.

Pengswastaan pelajaran tinggi akan menyambung dalam dua bentuk kepada negara, ia bukan sahaja dapat mengurangkan Imbangan Pembayaran dan menjimatkan pertukaran matawang asing, tetapi ia juga akan meringankan beban Kerajaan dalam perbelanjaan bagi pelajaran tinggi. Oleh itu, saya menyeru kepada Kerajaan untuk mengenyepikan kepentingan politiknya yang sempit dan menggalakkan pengswastaan pelajaran tinggi demi kepentingan negara.

Sehubungan dengan ini, saya menyeru Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk memberi butir-butir lanjut mengenai rancangan Kerajaan untuk menggalakkan penubuhan kolej-kolej swasta yang dapat jalin hubungan dengan universiti-universiti terkemuka di seberang laut.

Dalam beberapa tahun dewasa ini, Kerajaan telah memperkenalkan sistem "kembar" atau "twinning" dengan universiti-universiti Amerika Syarikat di mana pelajar-pelajar tempatan mengikuti kursus pengajian

tinggi di Malaysia dalam dua tahun yang pertama dan seterusnya menghabiskan dua tahun lagi kursus mereka di kampus universiti induk di Amerika Syarikat. Saya difahamkan bahawa Institut Teknologi MARA (ITM) telah mengadakan lima buah program kembar dengan lima buah universiti Amerika Syarikat yang tidak ternama.

Di bawah program "kembar" bersama dengan universiti-universiti Amerika Syarikat, graduan-graduan muda Amerika yang mempunyai Ijazah Sarjana atau Masters dan tidak mempunyai pengalaman pengajaran diupah untuk mengajar di Malaysia. Mereka ini diberikan elaun perumahan yang setanding dengan gaji seorang pensyarah baru di universiti tempatan dan menerima gaji yang lebih banyak daripada seorang profesor tempatan serta elaun-elaun yang lain. Sebahagian daripada pensyarah-pensyarah Amerika Syarikat yang diupah di bawah "program kembar" ini tidak berjaya memperolehi sebarang jawatan akademik di universiti mereka sendiri dan salah seorang dari mereka pernah menjadi penjaga pintu atau janitor sebelum datang ke Malaysia untuk menjadi pensyarah.

Kampus-kampus program kembar ini mempunyai nisbah pensyarah-pelajar yang sangat baik, dan saya diberitahu bahawa ada kalanya nisbah ini ialah 1:4, sedangkan di universiti-universiti tempatan, pelajar kita terpaksa mengalami kesesakan dalam bilik tutorial yang pada lazimnya mempunyai nisbah 1:30. Masalah kesesakan ini akan bertambah rumit lagi akibat langkah-langkah baru yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menambahkan lagi pengambilan pelajar-pelajar tanpa membabitkan tambahan dalam bilangan kakitangan atau kemudahan yang sedia ada.

Saya percaya bahawa semua pelajar di universiti-universiti tempatan serta pelajar-pelajar di kampus utama tempatan ITM yang mengikuti kursus mereka dengan sepenuhnya di negara ini berhak untuk merasa terkilan dan benci akan keistimewaan-keistimewaan yang diberi kepada pensyarah-pensyarah ini khasnya dari segi peruntukan Kerajaan serta sumber-sumber yang diberikan kepada kampus-kampus kembar ini, melainkan mereka ini disediakan untuk mengikuti kursus-kursus di universiti-universiti Amerika Syarikat yang tidak ditawarkan di universiti tempatan ataupun mereka disediakan untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti yang terkemuka.

Dalam kebanyakan kes, universiti-universiti yang terlibat dalam program kembar ini adalah universiti-universiti yang tidak begitu terkenal dan sederhana sahaja, seperti LSU (Louisiana State University), tetapi lebih dikenali sebagai "Lebih Senang Universiti" oleh pelajar-pelajar Melayu di ITM (*Ketawa*).

Kementerian Pelajaran setakat kini telah bertindak secara diam-diamnya mengenai kampus-kampus kembar di universiti Amerika Syarikat. Saya menyeru Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberi satu laporan penuh kepada Dewan yang mulia ini dengan memberikan maklumat-maklumat seperti nama kampus, jumlah pelajar, bilangan pensyarah-pensyarah Amerika Syarikat, persiapan atau persetujuan yang dibuat dengan universiti-universiti Amerika Syarikat serta lain-lain maklumat supaya membolehkan rakyat Malaysia membuat keputusan sama ada Kerajaan telah membelanjakan wang pembayar cukai dengan cara yang waras atau sama ada wang ini akan mendatangkan faedah yang lebih jika digunakan untuk menubuhkan lebih banyak lagi kolej-kolej dan universiti-universiti tempatan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkata bahawa Kerajaan akan memberi keutamaan tinggi kepada program rumah kos rendah dengan membina 80,000 unit rumah kos rendah setiap tahun dari 1986 hingga 1988 yang akan dibiayai oleh institusi bank sebanyak \$2,000 juta setahun.

Walaupun rancangan membina 80,000 unit rumah kos rendah setiap tahun untuk selama tiga tahun telah diumumkan pada bulan November tahun lalu, namun rancangan tersebut masih belum bermula lagi di kebanyakan negeri dan Negeri Pulau Pinang masih merupakan salah satu Negeri yang hanya berada dalam peringkat memeterikan kontrak bagi projek-projek pengswastan sedemikian.

Nampaknya rancangan membina 80,000 unit rumah kos rendah setiap tahun dari 1986 hingga 1988 tidak merupakan satu rancangan serius untuk membina rumah untuk orang-orang miskin tetapi adalah helah Kerajaan Persekutuan "untuk melepaskan tangan" dalam memperuntukkan rumah untuk orang-orang miskin dan ia menyerahkan tugas ini pula kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dengan penuh kesedaran bahawa rancangan tersebut akan terbengkalai.

Inilah sebabnya Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkata dalam ucapan belanjawannya bahawa peranan Kerajaan Persekutuan dalam pembiayaan pembinaan rumah-rumah kos rendah akan dikurangkan dan cuma apa yang diperuntukkan dalam belanjawan 1987 bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ialah perbelanjaan pembangunan sebanyak \$98 juta untuk membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri menyiapkan projek-projek yang sedang berjalan di peringkat pelaksanaan.

Soal yang harus ditanya oleh Parlimen dan rakyat Malaysia ialah apakah gunanya wujud sebuah Kementerian Perumahan sekiranya ia tidak bertanggungjawab untuk membina atau membiayai rumah untuk orang-orang miskin? Yang Berhormat Menteri Perumahan baru daripada Kelang, mungkin belum angkat sumpah, hendaklah membangkitkan soal ini apabila beliau menghadiri mesyuarat Jemaah Menteri pertamanya dan demi kepentingan awam dalam mengurangkan kos serta menutup Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang redundan, beliau hendaklah bercadang supaya Kementerianya dibubarkan sekiranya ia tidak lagi bertanggungjawab untuk membina dan membiayai pembinaan rumah-rumah kos rendah melalui Kerajaan-kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Menteri Perumahan Persekutuan hendaklah sekurang-kurangnya dipertanggungjawabkan untuk menyiapkan rancangan Kerajaan untuk membina 80,000 unit rumah kos rendah setiap tahun dari 1986 hingga 1988 kerana jika tidak, peruntukan sebanyak \$37 juta untuk tahun depan menampung perbelanjaan mengurus Menteri, Timbalan Menteri dan kakitangan Kementerian Perumahan yang tidak mempunyai tanggungjawab ke atas perumahan akan membazir wang awam.

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan, peranan dan pengakaunan awam Perbadanan-perbadanan Awam bukan Kewangan atau (NFPE) telah menjadi satu perkara yang dipandang berat oleh orang ramai. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata dalam bulan Mei tahun ini bahawa banyak daripada 900 buah syarikat ini di mana Kerajaan mempunyai ekuiti menghadapi kerumitan bahawa beberapa daripadanya sedang mengalami

kerugian yang teruk hasil pengurusan yang kurang baik di pihak pengarah-pengarah atau disebabkan beberapa pengurus terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang kurang baik atau "hanky-panky".

Parlimen hendaklah mengawasi dengan lebih rapi NFPE ini khasnya kerana mereka mendapat sebahagian besar wang mereka menerusi pinjaman asing. Umpamanya, dalam tahun 1985, pinjaman asing NFPE ini telah berjumlah \$2,149 juta dan merupakan 82% daripada jumlah pinjaman yang diperolehi oleh NFPE.

Saya mencadang supaya kesemua 900 buah syarikat di mana Kerajaan mempunyai ekuiti membentangkan akaun-akaun mereka dalam bentuk ringkas dalam Parlimen untuk diperiksa oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Kerajaan hendaklah juga menimbang cadangan bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin bahawa peruntukan yang sedia ada dalam Akta Syarikat mengenai pengauditan anak-anak syarikat diperluaskan untuk meliputi syarikat-syarikat Kerajaan.

Di bawah satu pindaan baru kepada Akta Syarikat, juruaudit sebuah syarikat induk berhak menyemak rekod-rekod perakaunan anak-anak syarikatnya. Syarikat-syarikat di mana ekuiti majoriti mereka dipegang oleh Kerajaan atau badan-badan berkanun juga mempunyai kedudukan yang sama dengan syarikat-syarikat dalam sektor swasta berkait dengan kehendak-kehendak pengakaunan yang ditetapkan dalam Akta Syarikat. Cara-cara yang sesuai harus dibuat untuk membolehkan juruaudit-juruaudit daripada badan-badan berkanun dan agensi-agensi Kerajaan menyemak akaun-akaun dan lain-lain rekod anak-anak syarikat mereka.

Sebagai langkah pertama, Kerajaan patut membentangkan Kertas Putih dalam Parlimen dengan

menyenaraikan 900 buah syarikat ini, ciri perniagaan serta kedudukan kewangan mereka dan prospek masa depannya kerana setakat ini perusahaan-perusahaan awam yang gergasi ini terlepas dari pemeriksaan dan pengakaunan Parlimen dan awam.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Sepertimana kita mengalami defisit berkembang atau twin dalam imbalan pembayaran dan Belanjawan, negara kita juga sedang mengalami krisis twin economy dan keyakinan.

Apabila mendengar Ucapan Belanjawan Tahun 1987 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan Rakyat pada hari Jumaat yang lalu di mana beliau telah menggariskan strateginya untuk memulih semula ekonomi serta memperkukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan, saya terasa ada sesuatu yang tertinggal yang menjadikan seruannya kepada rakyat Malaysia supaya berkorban tidak bermaya dan desakan Menteri Kewangan bahawa rakyat seharusnya meletakkan kepentingan negara di atas segala kepentingan lain juga tidak dapat menghidup dan menyemarakkan semangat rakyat.

Malaysia kini bukan sahaja berada dalam lembah krisis ekonomi yang teruk sekali dalam sejarah kita semenjak Merdeka tahun 1957 tetapi juga mengalami krisis keyakinan yang paling serius terhadap Kerajaan.

Yang Berhormat Menteri nampaknya tidak sedar akan persoalan krisis keyakinan apabila beliau menolak kewujudan krisis ini dalam ucapan Belanjawannya dengan berkata bahawa:

"Ada pihak yang berpendapat, salah satu dari punca kemerosotan prestasi sektor swasta dalam beberapa

tahun kebelakangan ini, ialah kekurangan keyakinan dalam iklim pelaburan. Keyakinan ialah satu sikap pemikiran. Selagi kita terus merasa sangsi dan curiga dan begitu mudah mempercayai khabar-khabar angin yang tidak berasas, selagi itulah kita mengalami krisis keyakinan."

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa keyakinan ialah satu sikap pemikiran. Soalan yang timbul ialah mengapa selepas Kerajaan Barisan Nasional memperolehi mandat yang besar dari rakyat dalam Pilihanraya Umum baru-baru ini sepertimana dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, Kerajaan Barisan Nasional masih belum dapat menyemarak serta menyemaikan sikap pemikiran keyakinan ini. Yang Berhormat Menteri Kewangan serta semua pemimpin Kerajaan haruslah merenung dengan teliti bahawa khabar-khabar angin bukanlah punca yang menyebabkan krisis keyakinan di negara ini. Sebaliknya, krisis keyakinan inilah yang menyebabkan penyebaran khabar-khabar angin.

Menurut pandangan saya, penyelesaian krisis keyakinan ini kunci kepada pemerintahan negara yang berkesan, dan Belanjawan tahun 1987 tidak akan dapat mengatasi krisis ekonomi Malaysia yang kian merosot sekiranya Belanjawan ini tidak memberangsangkan rakyat Malaysia bahawa Kerajaan mengakui kewujudan krisis ini dan bersedia untuk menyelesaikan krisis keyakinan dalam negara ini.

Cabaran terbesar kepada Kerajaan hari ini ialah bagaimana ia dapat memberangsangkan rakyat Malaysia untuk menyambut seruan Kerajaan untuk berkorban untuk menghadapi krisis ekonomi selepas membawa negara ini ke dalam lembah kecoh ekonomi. Dengan lain perkataan, Kerajaan hendaklah memperolehi kembali keyakinan rakyat terhadapnya.

Saya fikir terdapat dua cara ke arah ini, pertama, membentuk satu pasukan pemimpin-pemimpin Kerajaan yang baru, dan jika ini tidak mungkin dapat dilakukan, maka Kerajaan haruslah mencuba memberangsangkan keyakinan rakyat dengan menggunakan persepsi, pendekatan serta komitmen yang baru.

Yang Berhormat Menteri berkata bahawa seluruh lapisan masyarakat mesti bersedia untuk berkorban demi memulihkan semula ekonomi kita. Seterusnya beliau mengumumkan bahawa elaun-elaun dan keistimewaan Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan lain-lain anggota pentadbiran akan dikaji semula dengan tujuan untuk mengurangkan atau memansuhkannya termasuk mengurangkan elaun-elaun Kerajaan dan perumahan serta elaun-elaun perjalanan rasmi sebanyak 10 hingga 20%; semua elaun yang sekarang ini dibayar semasa percutian akan dimansuhkan; dan pembayaran tambang perjalanan dihadkan kepada para Menteri, Timbalan Menteri dan isteri atau suami mereka sahaja.

Ahli-ahli politik dan pegawai-pegawai Kerajaan yang menerima pencen kedua dan pencen seterusnya akan dikenakan cukai 100% walaupun ini tidaklah begitu jelas—ini boleh bermakna bahawa pencen kedua dan pencen seterusnya akan dikenakan cukai biasa tanpa pengecualian, ataupun ia boleh bermakna bahawa pencen-pencen ini akan dikenakan cukai sepenuhnya supaya memulangkan wang pencen itu kepada Perbendaharaan Kerajaan.

Namun demikian, ini bukanlah pengorbanan yang besar jika dibandingkan dengan pengorbanan yang perlu dibuat oleh para pekerja yang terpaksa memikul secara sukarela beban pembekuan kenaikan gaji mereka selama tiga tahun. Ahli-ahli politik dan pegawai-pegawai

Kerajaan diminta mengorbankan extravagance mereka manakala para pekerja diminta mengorbankan kemudahan-kemudahan asas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya extravagance ini seharusnya dipotongkan lagi dengan mengurangkan sebanyak 50% elaun-elaun keraian, perumahan dan perjalanan rasmi para Menteri dan Timbalan Menteri; dan juga menghadkan pembayaran tambang perjalanan kepada lawatan dalam negara sahaja, memandangkan percubaan Menteri Kewangan untuk menggalakkan tempat-tempat pelancongan tempatan.

Memang sukarlah bagi Menteri Kewangan untuk memberangsangkan rakyat jelata untuk menyahut seruannya supaya membuat pengorbanan sekiranya rakyat sangsi sama ada Menteri Kewangan sendiri atau para Menteri dan Timbalan Menteri yang lain sanggup menunjuk tauladan yang baik dalam tingkahlaku mereka menerusi sifat kejujuran dan integriti.

Keengganan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk memberi satu penjelasan yang penuh, teliti serta memuaskan kepada Dewan yang mulia ini serta rakyat jelata mengenai penglibatannya dan syarikat-syarikat keluarganya dalam pembelian saham-saham UMBC yang membolehkannya menguasai saham majoriti dalam bank yang ketiga terbesar di Malaysia serta penjualan saham-saham ini kepada PERNAS, sungguh malangnya telah memperkukuhkan lagi soal-soal percanggahan kepentingan.

Laporam Ekonomi Tahun 1986/1987 menyentuh tentang percubaan Kerajaan untuk mengurangkan peruntukan keseluruhan sektor awam, khasnya perusahaan awam bukan kewangan, dan pinjaman-pinjaman luar mereka—tetapi bagaimanakah Kerajaan kita dapat mereconcilekan pinjaman \$200 juta dalam matawang

Yen Jepun yang diperolehi oleh PERNAS daripada sebuah konsortium bank-bank Jepun untuk membantu PERNAS membeli 51% saham UMBC yang dipegang oleh syarikat-syarikat kepunyaan keluarga Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Semasa kelembapan ekonomi dan keketatan kedudukan kewangan Kerajaan ini, bijaksanakah Kerajaan meluluskan pembelian 51% saham UMBC yang dimiliki oleh syarikat-syarikat keluarga Yang Berhormat Menteri Kewangan oleh PERNAS, adakah harga yang dibayar oleh PERNAS untuk membeli saham-saham itu adalah harga yang tertinggi sekali yang mungkin didapati oleh syarikat-syarikat keluarga Yang Berhormat Menteri Kewangan daripada sebarang pembeli dan mengapakah wujudnya kerahsiaan mengenai harga pembelian, yang dibayar oleh PERNAS untuk memiliki 51% saham UMBC?

Adalah amat malang bahawa Kerajaan tidak menyedari lagi tentang betapa penting dan terdesaknya untuk mengembalikan keyakinan awam serta mengatasi krisis keyakinan dengan membenarkan pemeriksaan dan penyiasatan yang sepenuhnya-penuhnya ke atas kebijaksanaan setengah-setengah tindakan dan keputusan Kerajaan seperti skandal pembelian bijih timah secara misteri oleh Maminco di London pada tahun 1981 dan pelaburan KWSP MAkuwasa yang melibatkan wang simpanan 5 juta pencarum KWSP yang mengakibatkan KWSP mengalami kerugian sebanyak \$9.9 juta.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, telah berjanji dalam Perhimpunan Agung UMNO bulan lalu bahawa Kerajaan akan menerangkan segala-galanya berhubung dengan episod membeli bijih timah secara misteri di London dalam tahun 1981 dalam Parlimen.

Akan tetapi sehingga kini, penerangan ini masih belum dibuat lagi. Mengapakah Kerajaan mungkir janjinya.

Pada minggu sudah, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan telah memutus untuk membubarkan Syarikat Makuwasa Securities Sdn Bhd.

Tidakkah benar keputusan Kerajaan ini dibuat selepas ia mendapati bahawa pemindahan 13 buah kaunter saham oleh KWSP kepada Makuwasa Securities Sdn Bhd dengan harga yang lebih rendah dari harga pasaran adalah salah dari segi undang-undang.

Jika demikian, apakah Makuwasa Securities Sdn Bhd akan menyerahkan balik 13 buah kaunter saham tersebut ataupun hasil penjualan saham-saham tersebut kepada KWSP apabila syarikat tersebut dibubar kelak.

Lanjutnya, siapakah yang akan mendakwa Lembaga KWSP atau ahli-ahli panel pelaburan KWSP kerana menyalahgunakan kuasa atau pecah amanah dalam urusan urusan niaga saham KWSP-Makuwasa ini kerana Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib, adalah ahli kedua-dua Lembaga KWSP dan Panel Pelaburan KWSP itu.

Dalam pada ini, 5 juta pencarum KWSP dan para pekerja berhak menerima satu penjelasan penuh mengenai operasi Jawatankuasa Penyelarasan Pelaburan yang berkuasa tinggi yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan untuk menggunakan berpuluh-puluh juta ringgit dari KWSP, PERKESO, Bank Simpanan Nasional dan Sports Toto untuk berspekulasi dalam saham-saham khasnya dalam saham-saham

RALEIGH yang merupakan pembelian besar saham yang dilakukan oleh Jawatankuasa Penyelarasan Pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, keyakinan orang ramai juga tidak dipulih akibat umpamanya keengganan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menerangkan bagaimana beliau boleh mendapat pinjaman sebanyak \$20 juta dari Co-operative Central Bank dengan menggunakan sebagai "third party charge" sebidang tanah yang bernilai \$9.6 juta.

Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Presiden MCA, telah mendakwa bahawa disebabkan pinjaman tersebut diperolehi bagi maksud perniagaan sebelum perlantikannya sebagai Timbalan Menteri, maka orang ramai tidak berhak untuk mengetahui mengenainya.

Saya rasa kedua-dua adalah tersilap kerana mengikut Bab "D", Perintah Am, apabila "serious pecuniary embarrassment" berlaku, tindakan tatatertib boleh diambil terhadap mana-mana pegawai awam. Fasal 10, Bab D, Perintah Am, mentafsirkan "serious pecuniary embarrassment" sebagai, dengan izin:

"the state of an officer's indebtedness which, having regard to the amount of debts incurred by him, has actually caused serious financial hardship to him; and without prejudice to the general meaning of the said expression, an officer shall be deemed to be in serious pecuniary embarrassment:

- (i) if the aggregate of his unsecured debts and liabilities at any given time exceeds the sum of three times his monthly emoluments".

Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengakui bahawa beliau telah mendapat pinjaman \$20 juta dari

CCB, walaupun beliau telah menafikan bahawa pinjaman tersebut tidak diserviskan. Seperti diketahui umum, kadar pinjaman CCB adalah jauh lebih tinggi daripada kadar yang dikenakan oleh bank-bank komersial yang lain yang mana kadar pinjaman bank-bank tersebut adalah 16% pada lazimnya. Demi keselesaan mengira, sekiranya kita mengambil 10% sebagai kadar faedah yang dikenakan yang jauh lebih rendah daripada faedah pasaran dan tempoh pembayaran balik pinjaman itu katakanlah selama tempoh tiga tahun, maka ini akan bermakna faedah sebanyak \$2 juta harus dibayar setiap tahun atau kira-kira \$170,000 sebulan tanpa menyentuh langsung prinsipal \$20 juta itu.

Memanglah orang ramai dan Parlimen berhak bertanya bagaimanakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan emolument bulannya sebanyak \$8,000, iaitu \$5,000 sebagai gaji Timbalan Menteri dan \$3,000 sebagai elaun Ahli Parlimen, boleh menserviskan pinjaman tersebut yang memerlukan \$170,000 setiap bulan dan tidak disebut pun lagi mengenai bayaran prinsipalnya.

Selagi persoalan-persoalan ini dan persoalan-persoalan lain yang membabitkan pemimpin-pemimpin Kerajaan yang penting tidak dijawab, macam manakah Kerajaan dapat memberansangkan rakyat jelata dengan seruan bahawa setiap rakyat Malaysia perlu sanggup berkorban demi memulihkan ekonomi negara kita, kerana seruan ini seolah-olah bermakna rakyat jelata terpaksa berkorban sedangkan pemimpin-pemimpin dikecualikan daripada membuat pengorbanan?

Tuan Yang di-Pertua, negara kita kini menghadapi krisis ekonomi dan Kerajaan mestilah bersedia mengambil langkah-langkah cemas

yang tidak akan diambil dalam masa-masa biasa untuk mengatasi masalah-masalah ekonomi dan pengangguran.

Umpamanya, dalam setiap Belanjawan yang dibentangkan dalam jangka masa dua dekad kebelakangan ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan kita akan menyentuh tentang betapa perlunya untuk mengurangkan import bahan-bahan makanan yang kini berjumlah \$3.1 billion.

Seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri, antara bahan-bahan makanan utama yang diimport ialah jagung, daging, sayur-sayuran, ikan dan buah-buahan yang sebenarnya boleh dihasilkan oleh kira sendiri kerana ia akan berhasil dalam jangka masa yang pendek. Tetapi mengapakah kita belum berjaya untuk mengurangkan pergantungan Malaysia terhadap bahan-bahan makanan yang diimport?

Memandangkan kepada pertumbuhan ekonomi yang negatif, penurunan pendapatan per kapita dan peningkatan kadar pengangguran kepada satu tahap yang tidak pernah berlaku iaitu 9.5% tahun hadapan, maka Partai saya menyeru Kerajaan Persekutuan dengan persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melancarkan satu dasar penanaman tanah terbuka selama lima tahun, dengan izin, an open cultivation policy, di mana rakyat Malaysia boleh menduduki tanah-tanah Kerajaan untuk tujuan bercucuk tanam atau menternak tertakluk kepada syarat-syarat bahawa tanah-tanah ini hendaklah dikembalikan kepada Kerajaan selepas tempoh lima tahun.

Ini akan membolehkan tanah-tanah terbiar digunakan dengan memberi faedah kepada rakyat yang tekun dan juga negara. Kerajaan patut juga mengurangkan halangan-halangan pentadbiran yang wujud dalam melaksanakan dasar penanaman tanah

terbuka itu supaya semua tanah terbiar yang tidak mungkin digunakan untuk tujuan komersial atau untuk lain-lain kegunaan Kerajaan dalam masa yang singkat dapat digunakan dengan berfaedah.

Begitu juga, Kerajaan harus menggalakkan penubuhan industri-industri kecil yang dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan serta menghapuskan segala "red-tape" dan halangan-halangan birokrasi yang menyekatkan perkembangan industri-industri ini. Peraturan-peraturan mengenai kuota dan peratusan yang ditetapkan di bawah Dasar Ekonomi Baru haruslah digantung buat sementara waktu kerana keutamaan haruslah diberi untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti ekonomi dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan.

Satu dasar penaja kebangsaan yang baru harus juga digubal di mana majlis-majlis perbandaran dan daerah dapat membantu orang-orang yang menganggur mencari rezeki dengan mengeluarkan lesen-lesen penaja sementara kepada mereka dan bukan memaksakan mereka melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan jenayah akibat denda-denda yang tinggi yang dikenakan oleh majlis-majlis ini kerana menjaja tanpa lesen.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk membekukan kenaikan gaji para pekerja secara sukarela adalah sangat dikesali kerana ia diumumkan tanpa perundingan dengan pihak pergerakan kesatuan pekerja. Untuk berlaku adil, sebarang pembekuan juga hendaklah dilanjutkan untuk meliputi harga-harga, pendapatan dan keuntungan supaya para pekerja tidak menjadi golongan yang didiskriminasikan dalam tempoh kemelesetan ekonomi ini. Langkah membekukan kenaikan gaji adalah

tidak secocok atau, dengan izin, "unconscionable" sekiranya harga-harga dan keuntungan tidak pula dikenakan pembekuan itu.

Kita mesti memberi amaran kepada Kerajaan supaya jangan menguatkuasakan pembekuan kenaikan gaji tanpa perundingan dengan pergerakan kesatuan pekerja, kalau tidak akan mencetuskan krisis perindustrian ataupun memburukkan suasana yang tidak akan membantu dalam proses pemulihan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan juga berkata bahawa fokus utama program Kerajaan untuk mengurangkan kemiskinan di kawasan-kawasan luar bandar ialah menerusi peningkatan produktiviti pertanian dan pembukaan rancangan-rancangan tanah yang baru.

Setakat ini, Kerajaan telah dengan berjaya menahan mengambil tindakan reformasi-reformasi tanah walaupun beberapa kajian telah menunjukkan bahawa reformasi tanah yang bertujuan untuk menyatupadukan tanah-tanah yang tidak berekonomik dalam sektor getah dan padi adalah pra syarat, dengan izin, pre-condition atau pre-requisite, yang tidak boleh ditolak dalam usaha membanteraskan kemiskinan luar bandar di Malaysia.

Sebagai langkah pertama, Kerajaan mesti bersedia untuk menjalankan satu kajian oleh pakar-pakar ekonomi Malaysia mengenai perhubungan antara kegagalan untuk melaksanakan reformasi-reformasi tanah dengan masalah kemiskinan luar bandar yang berterusan atau persistent dalam rangka mewujudkan kekayaan di bawah Dasar Ekonomi Baru. Kajian seperti ini juga seharusnya mengkaji sama ada skim sokongan harga bagi

sektor penanaman padi yang dilaksanakan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) telah:

- (a) salah memberi peruntukan atau misallocate dengan menggalakkan pengeluaran padi dengan kos yang tinggi dan menghasilkan beras yang tidak berkualiti;
- (b) kesan-kesan pengagihan semula yang secara nyata adalah regresif; dan
- (c) pengurusan pemberian subsidi telah diselubungi dengan pembaziran dan ketidakcekapan.

Akhirnya, saya ingin mengakhiri dengan bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, untuk menafikan bahawa dalam bulan Julai dan Ogos lalu, perunding-perunding Jambatan Pulau Pinang telah mendapati akibat pemeriksaan yang dilakukan dari bawah paras air, bahawa daripada 206 pilecaps dan 3,290 piles yang diperiksa, sebanyak 32 pilecaps dan 68 piles didapati rosak atau, dengan izin, defective, dan saya minta beliau menyemak laporan-laporan pemeriksaan itu sendiri dan beliau akan mendapati bahawa, pilecaps dan piles adalah disifatkan sebagai rosak atau defective dalam laporan-laporan berkenaan.

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya juga berkata bahawa tiada apa-apa yang salah dengan jambatan tersebut dan bahawa sekiranya pilecaps dan piles yang rosak itu tidak diperbaiki, tidak ada apa-apa akan berlaku kepada Jambatan Pulau Pinang. Sekiranya inilah hakikatnya, mengapakah perlunya untuk membazirkan dekat \$300,000 untuk membaikinya?

Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan memberi satu penjelasan yang penuh dan memuaskan dalam perkara ini kepada Dewan ini kerana itu adalah tugasnya

disebabkan negara kita telah membelanjakan wang sebanyak \$850 juta untuk jambatan tersebut yang dibina oleh kontraktor Korea Hyundai dan rakyat Malaysia berhak mengetahui butir-butir penuh berhubung dengan kerosakan atau (defects) yang berlaku pada pilecaps dan piles Jambatan Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Star.

4.20 ptg.

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan usul Belanjawan 1987, yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada petang Jumaat, 24hb Oktober, 1986 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1987 sungguh menarik dan meliputi usaha-usaha Kerajaan meneruskan pertumbuhan ekonomi negara, di samping mengatasi kemelesetan. Cadangan-cadangan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan adalah sederhana dan harus disokong bukan sahaja oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, tetapi juga oleh keseluruhan rakyat yang cintakan negara ini. Walaupun usaha-usaha untuk mengatasi kemelesetan ekonomi akan memerlukan tempoh masa yang agak lama, saya percaya langkah positif sedang diambil untuk menyelamatkan negara ini dari terjerumus ke dalam masalah ekonomi yang lebih besar seperti yang dihadapi oleh beberapa negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pihak parti Pembangkang yang sentiasa mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini bukan untuk menyumbangkan cadangan-cadangan yang baik, tetapi mengulang-ulangkan cerita-cerita lama yang amat membosankan. Walau apa sahaja

tajuk urusan atau perbahasan yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini, mereka sentiasa menimbulkan isu-isu seperti krisis keyakinan, BMF, Pan-El, Makuwasa, UMBC, Jambatan Pulau Pinang, pendatang haram dan sebagainya. Pihak Pembangkang telah mengeluarkan hujah-hujah yang memberi fahaman seolah-olah tindakan tidak pernah diambil oleh Kerajaan terhadap kes-kes seperti BMF, pendatang haram dan sebagainya. Kadang-kadang pihak Pembangkang telah juga cuba membayangkan seolah-olah masalah yang menghadapi negara seperti usaha untuk mengatasi kemelesetan ekonomi itu tidak sepenting cerita-cerita atau khabar angin yang dibawa oleh mereka. Jikalau pihak Pembangkang hanya mampu untuk berhujah atau membahaskan perkara-perkara yang remeh-temeh sahaja, maka nampaknya mereka berkurangan modal dan adalah dicadangkan supaya mereka merajinkan diri untuk membuat kajian yang lebih luas daripada perkara-perkara yang telah pun diketahui ramai.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Belanjawan tahun 1987 yang berjumlah \$27,411,630,230 diwakili oleh Anggaran Perbelanjaan Mengurus sebanyak \$20,739,094,840 dan \$6,672,535,390 sebagai Anggaran Perbelanjaan Bekalan. Belanjawan tahun 1987 ini juga merupakan satu anggaran perbelanjaan yang amat sederhana memandangkan ianya telah dikurangkan sebanyak \$3,400 juta atau 11% daripada Belanjawan tahun 1986. Sebenarnya, pengurangan anggaran perbelanjaan ini adalah kena pada tempatnya memandangkan pembaziran pada masa yang lalu, terutamanya dari segi Perbelanjaan Mengurus. Kita mestilah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengelakkan negara ini daripada menghadapi krisis kewangan seperti

beberapa negara asing. Kita harus berjimat dan menentukan bahawa setiap ringgit yang dibelanjakan untuk mengurus akan membawa kepulangan yang lebih berkesan. Kita tidak mahu melihat Anggaran Perbelanjaan Mengurus terlalu tinggi hingga menjejaskan Perbelanjaan Pembangunan yang menjadi matlamat utama negara ini. Dengan kata lain, Kerajaan haruslah mengambil langkah-langkah yang boleh menjimatkan lagi Perbelanjaan Mengurus terutama dari segi pembayaran elaun kerja lebih masa, elaun pengangkutan dan perjalanan atau kemudahan-kemudahan lain yang tidak harus diutamakan di dalam keadaan ekonomi negara yang meleset. Kita semua maklum bahawa ada perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan di dalam Perbelanjaan Mengurus seperti peruntukan untuk membayar oalik tanggungan Kerajaan khususnya hutang negara ataupun pemberian kepada negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sebanyak \$4,469 juta atau 2/3 daripada jumlah Perbelanjaan Pembangunan 1987 bagi membangunkan kawasan luar bandar disambut baik. Sebenarnya pembangunan negara ini harus ditumpukan kepada kawasan kampung dan desa di mana majoriti daripada penduduk-penduduknya terdiri dari golongan miskin. Kebanyakan daripada mereka ini masih belum mendapat kemudahan-kemudahan asas seperti jalan, api, air, perumahan yang sempurna dan peluang-peluang lain yang biasanya terdapat di bandar-bandar. Keadaan ini lebih ternyata sekiranya diambil kira bahawa negara kita telah merdeka selama 29 tahun. Usaha Kerajaan hendaklah diteruskan supaya taraf hidup penduduk-penduduk luar bandar dipertingkatkan. Jalan-jalan kampung dan desa hendaklah ditambah supaya pengeluaran dan penghasilan desa dapat dipasarkan dengan lebih sempurna. Begitu juga

keperluan bekalan api dan air yang seharusnya telah dinikmati oleh seluruh rakyat di negara ini. Pada hemat saya tidaklah bermakna kita berjuang untuk rakyat sekiranya segolongan besar penduduk-penduduk di negara ini khususnya yang berada di luar bandar masih hidup di paras kemiskinan. Malahan matlamat utama perjuangan parti-parti politik seharusnya ditumpukan terhadap pembasmian kemiskinan atau mengurangkan jurang kemiskinan di kalangan rakyat.

Kita tidak mahu melihat satu pertumbuhan ekonomi yang tidak seimbang seperti yang berlaku di setengah-setengah negara di mana yang kaya menjadi lebih kaya dan yang miskin terbiar akibat dasar bebas Kerajaan. Sekiranya perkara seperti ini berlaku maka kemungkinan ia akan menimbulkan berbagai-bagai masalah sosio-politik yang boleh menjejaskan ketenteraman politik di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha memajukan kawasan luar bandar, sektor pertanian seharusnya ditumpukan terhadap khusus. Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab di atas pembangunan pertanian haruslah memainkan peranan yang lebih serius untuk mempertingkatkan daya pengeluaran pertanian. Petani-petani atau peladang-peladang hendaklah digalakkan untuk mengeluarkan lebih banyak lagi bahan-bahan makanan seperti sayur-sayuran, buah-buahan, minuman, daging dan bahan tenusu.

Pengeluaran bahan-bahan makanan bukan sahaja akan menampung permintaan dalam negeri, tetapi juga akan mengurangkan import bahan makanan daripada luar yang dengan sendirinya akan memperbaiki imbalan pembayaran dan pertukaran

wang asing negara ini. Di samping itu, mutu dan daya pengeluaran pertanian tradisional seperti getah, kelapa sawit, padi dan kelapa harus dikaji semula memandangkan perubahan bentuk pasaran, persaingan dan lain-lain perkembangan.

Penanaman getah walaupun mendapat harga pasaran yang lebih baik daripada kelapa sawit pada masa kini sentiasa tertakluk kepada permintaan antarabangsa. Kadangkala harga getah turun begitu rendah sehingga pengeluaran-pengeluarannya mengalami kesusahan seperti yang terjadi di beberapa tahun yang lalu. Ada pula masanya permintaan luar turun dengan serta-merta oleh kerana negara-negara pengguna seperti Amerika Syarikat mengeluarkan stok simpanan getahnya untuk dijual dengan harga yang lebih murah. Keadaan ini sentiasa menimbulkan kebimbangan di kalangan pengeluar-pengeluar, terutama pekebun-pekebun kecil yang bergantung kepada getah untuk sara hidup mereka.

Begitu juga kelapa sawit, terutamanya di masa kini di mana harga pasarannya telah jatuh begitu rendah sehingga tidak menguntungkan lagi pengeluar-pengeluarannya, malahan pekebun-pekebun kecil seperti di dalam rancangan-rancangan tanah FELDA, FELCRA dan RISDA terpaksa dibantu oleh pihak berkuasa melalui subsidi dan sebagainya. Keadaan ini menimbulkan beberapa soalan di dalam perancangan pertanian negara di masa yang lalu.

Soalnya, tidakkah Kerajaan membuat kajian yang menyeluruh, terutama dari segi pemasaran sebelum melancarkan penanaman tanaman seperti getah dan kelapa sawit di kawasan-kawasan rancangan tanah? Sekiranya kesilapan telah berlaku, maka pihak yang berkenaan harus

mengkaji semula perkara ini. Kalaulah kelapa sawit tidak mendapat pasaran yang memuaskan, maka sewajarnya pekebun-pekebun kecil digalakkan menanam tanaman selingan seperti sayur-sayuran, buah-buahan, kopi dan sebagainya. Tanaman selingan ini boleh mengelakkan kesulitan hidup pekebun-pekebun atau petani-petani sekiranya harga pasaran pengeluaran utama seperti kelapa sawit atau getah jatuh ke tahap yang merugikan. Di samping itu, Jabatan atau agensi pertanian harus juga menggalakkan penanaman sayur-sayuran, buah-buahan, kopi dan sebagainya secara lebih meluas. Dengan perancangan yang lebih teliti, adalah diharapkan supaya nasib petani-petani, peladang-peladang dan pekebun-pekebun kecil akan lebih terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran padi juga merupakan satu sumber pengeluaran pertanian yang penting di negara ini. Bagi penduduk di negeri Kedah dan Perlis, padi ialah aktiviti pengeluaran yang utama. Berpuluh-puluh ribu keluarga bergantung kepada padi sebagai punca mata pencarian mereka. Memandangkan pengeluaran padi yang berkurangan dalam tahun 1986 yang disebabkan oleh berbagai faktor, adalah diharapkan supaya pengeluaran padi tidak terjejas akibat kemerosotan ekonomi dalam tahun 1987. Pihak yang bertanggungjawab atas pengeluaran padi hendaklah menentukan supaya penanam-penanam padi diberi kemudahan-kemudahan sepenuhnya untuk menghasilkan pengeluaran yang lebih tinggi. Tanah-tanah terbiar hendaklah dipulih semula dan di mana sesuai diambil untuk dijadikan mini estet padi. Penanam-penanam padi hendaklah juga diberikan benih-benih yang mempunyai daya penghasilan tinggi untuk menghasilkan pengeluaran yang lebih baik.

Satu daripada masalah yang dihadapi oleh penanam-penanam padi, khususnya di kawasan MADA ialah kemudahan pengilangan dan pengeringan yang tidak mencukupi. Pada bulan Ogos dan September, 1986, kekurangan kemudahan pengilangan dan pengeringan serta kelembapan pengurusan kilang-kilang tersebut oleh beberapa pegawai dan kakitangan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) telah mengakibatkan kerugian besar kepada penanam-penanam padi di Kedah dan Perlis. Kalau perkara ini dibenarkan berterusan, maka mungkin ramai penanam-penanam padi sendiri akan tidak lagi berminat untuk meneruskan pekerjaan mereka dan lebih banyak lagi kawasan tanah yang akan terbiar. Oleh itu, langkah-langkah untuk mengatasi masalah pengilangan dan pengeringan ini haruslah diatasi dengan seberapa segera supaya golongan masyarakat yang bergantung kepada padi sebagai mata pencarian tidak lagi akan mengalami kerugian setiap musim menuai. Cara mana mengatasi masalah ini adalah terpulang kepada pihak LPN. Sekiranya kemudahan pengeringan yang kurang, maka kemudahan tersebut harus diperluaskan dan sekiranya masalah berpunca daripada kelembapan pengurusan kilang-kilang, maka ini harus dikemaskinkan mengikut keperluan masa. Yang penting ialah supaya masalah-masalah pengilangan dan pengeringan yang berlaku pada bulan Ogos dan September, 1986 tidak berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, penangkapan ikan juga merupakan satu daripada aktiviti ekonomi yang besar di luar bandar, terutamanya di kawasan pantai. Malangnya kebolehan nelayan-nelayan kita masih lagi di peringkat kecil-kecilan. Ini bermakna bahawa hasil penangkapan mereka tidaklah lumayan dan dengan sendirinya tidak menjamin sara

hidup yang memuaskan. Di samping itu, pendaratan ikan sebanyak 595,002 tan metrik di tahun 1986 tidak mencukupi untuk menampung permintaan dalam negeri. Sebahagian besar daripada keperluan ikan negara ini terpaksa diimport dari negara jiran. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan, terutamanya Kementerian Pertanian harus memberi perhatian berkenaan dengan industri penangkapan ikan di negara ini. Perancangan-perancangan harus dibuat untuk menggalak dan melatih nelayan-nelayan supaya mereka dapat mengguna teknologi baru.

Penangkapan ikan tidak seharusnya dihadkan kepada kawasan-kawasan tepi pantai sahaja. Yang lebih mencabar dan mendatangkan penghasilan yang lebih besar ialah penangkapan ikan di lautan dalam, seperti yang dijalankan oleh nelayan-nelayan asing di Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) kita di Laut China Selatan. Sekiranya kita sendiri tidak mampu untuk menjalankan industri penangkapan ikan di lautan dalam, maka bukan sahaja hak kita dicabuli oleh nelayan-nelayan asing, tetapi juga sebahagian besar dari golongan nelayan kita akan terus hidup diparas kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada pengeluaran petroleum yang mengalami kejatuhan harga yang terus di pasaran antarabangsa, usaha-usaha hendaklah ditumpukan bukan untuk menambah pengeluaran pada tahun 1987 dan seterusnya, tetapi seharusnya dihadkan kepada explorasi mencari sumber baru atau telaga-telaga baru yang boleh disimpan sehingga permintaan dan harga minyak naik semula. Dengan cara ini bukan sahaja sumber kekayaan kita akan bertambah, tetapi juga kekayaan ini boleh dijadikan kenyataan apabila permintaan dunia meningkat. Di

samping itu, Kerajaan hendaklah menggalak dan mempercepatkan pelaburan asing untuk menubuh industri-industri yang menggunakan petro-kimia di negara ini. Kemungkinan juga negara kita ini menumpukan perhatian dan usaha agar perusahaan penapisan minyak dijalankan secara besar-besaran supaya Malaysia dapat mengendalikan keperluan-keperluan serantau, khususnya di Tenggara Asia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana memperuntukkan sebanyak \$4,044 juta kepada Kementerian Pelajaran. Walaupun negara mengalami kemelesetan ekonomi, nampaknya Kerajaan berpegang teguh kepada usaha-usahanya untuk mempertingkatkan kemudahan dan taraf pelajaran. Adalah diharapkan sebahagian besar daripada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Pelajaran itu akan disalurkan kepada pembinaan dan penambahan bilik-bilik darjah dan lain-lain kemudahan, seperti makmal dan perpustakaan di sekolah-sekolah luar bandar. Sebenarnya kemudahan pelajaran sangat jauh bezanya di antara luar bandar dengan sekolah-sekolah di bandar.

Perbezaan ini bukan sahaja dari segi kekurangan bilik darjah, makmal dan peralatan, tetapi juga dari segi guru-guru yang terlatih di dalam bidang-bidang tertentu. Murid-murid dan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah luar bandar sentiasa kebelakangan dalam matapelajaran seperti sains perdagangan, muzik, bahasa Inggeris dan sebagainya oleh kerana tidak mendapat guru yang cukup terlatih mengajar di dalam bidang-bidang tersebut. Mungkin tiba masanya sekarang bagi pihak Kementerian Pelajaran menyusun semula pengagihan tenaga mahir guru-guru sekolah rendah dan menengah supaya

tahap pencapaian akademik murid-murid dan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah luar bandar akan sekurang-kurangnya seimbang dengan pencapaian di sekolah-sekolah bandar. Sebenarnya penambahan kemudahan seperti bilik darjah, makmal dan perpustakaan di luar bandar tidak akan berkesan sekiranya guru-guru mahir tidak dihantar bersama-sama untuk meningkatkan pelajaran. Yang harus ditekankan sekarang ialah kualiti dan pencapaian tinggi dalam bidang pelajaran bagi sekolah-sekolah luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap kemudahan perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar. Sebenarnya perkhidmatan kesihatan sangatlah mustahak bagi semua rakyat tetapi pembangunan di negara ini secara tradisional telah lebih memberatkan kemudahan kesihatan di kawasan bandar-bandar daripada kawasan desa. Oleh itu telah wujud ketidakseimbangan perkhidmatan kesihatan di antara kedua-dua kawasan tersebut. Pihak yang berada atau yang lebih mewah yang tinggal di bandar-bandar bukan sahaja sentiasa menikmati kemudahan rawatan dan perubatan, malahan pula boleh mendapatkan perkhidmatan yang lebih baik seperti kemudahan pakar-pakar perunding perubatan dan pembedahan. Perkhidmatan pakar perunding dan pembedahan tidak terdapat di kawasan luar bandar. Ini menimbulkan berbagai masalah bagi masyarakat luar bandar yang memerlukan perkhidmatan tersebut. Lazimnya mereka terpaksa membelanja untuk pergi ke bandar bagi mendapat rawatan. Itu pun tidak ada jaminan bahawa layanan yang diberi kepada pesakit-pesakit yang datang dari luar akan memuaskan. Oleh itu adalah diharapkan bahawa sebahagian besar

daripada \$1.082 juta yang diperuntukkan kepada Kementerian Kesihatan akan diguna untuk menambah dan mempertingkatkan kemudahan kesihatan terutama sekali di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kemelesetan ekonomi negara telah menjejaskan kesejahteraan rakyat di semua peringkat. Golongan peniaga-peniaga yang pada masa dahulu menikmati keuntungan besar, sekarang ini sedang menghadapi berbagai kesulitan kewangan. Ada setengah daripada mereka terpaksa menggulung tikar akibat kerugian besar. Banyak pula yang terpaksa menggadai harta-benda untuk membayar balik pinjaman-pinjaman dari bank-bank dan lain-lain institusi kewangan. Keadaan begini akan menjadi bertambah buruk sekiranya beberapa langkah tidak diambil untuk menyelamatkan golongan peniaga yang sedang menghadapi tekanan akibat kemelesetan ekonomi. Mungkin juga ekonomi negara akan mengalami keadaan yang lebih gelap sekiranya pihak Kerajaan tidak membantu golongan peniaga dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan harus campur tangan dalam urusan kewangan dan mengeluarkan arahan atau peraturan baru untuk melegakan kesulitan-kesulitan golongan peniaga dari segi aliran tunai. Golongan yang betul-betul minat untuk berniaga atau mempunyai rekod perniagaan yang baik sebelum kemelesetan ekonomi hendaklah diberi peluang untuk bernafas semula di waktu yang serba susah ini. Bagi golongan yang sedang dituntut oleh berbagai institusi kewangan kerana tidak dapat membayar balik pinjaman mereka akibat kemelesetan ekonomi negara patutlah diadakan satu "meritorium" atau tempoh masa yang mencukupi supaya mereka dapat

memperbaiki perniagaan dan aliran tunai masing-masing sebelum dapat membayar balik pinjaman tersebut. Kemudahan atau kelegaan seperti ini boleh menyelamatkan ramai peniaga-peniaga ataupun usahawan-usahawan di negara ini terutamanya golongan bumiputera yang berkewibawaan untuk menyahut saranan Dasar Ekonomi Baru oleh Kerajaan tetapi menghadapi masalah akibat kemelesetan.

Tuan Yang di-Pertua, kemelesetan ekonomi juga telah menambah jumlah pengangguran di negara kita ini, malahan pertumbuhan ekonomi yang agak lembab sejak dua atau tiga tahun yang lalu telah menunjukkan kadar dan jumlah pengangguran yang meningkat. Kadar pengangguran pada tahun 1986 mungkin telah meningkat ke paras 8% ataupun berjumlah lebih kurang 500,000 penganggur. Keadaan pengangguran yang tinggi ini adalah tanda isyarat yang boleh membawa ke paras bahaya sekiranya langkah-langkah positif tidak diambil oleh pihak berkuasa.

Kementerian Buruh umpamanya harus merancang beberapa program gunatena di mana ramai penganggur-penganggur dapat diserapkan dengan seberapa segera. Pihak yang minat di segi perladangan harus diberi latihan dan galakan supaya mereka akan dapat melibatkan diri dalam bidang tersebut. Usaha juga harus ditingkatkan oleh beberapa perbadanan dan agensi Kerajaan supaya golongan yang minat berniaga secara kecil-kecilan diberi galakan dan berbagai kemudahan termasuk modal permulaan untuk membuka gerai-gerai barangan atau makanan, contohnya. Pihak yang berkuasa juga harus mengubahsuai beberapa proses pelesenan bagi membolehkan pengusaha-pengusaha kecil menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi

mereka dengan lebih pesat. Syarat-syarat dan peraturan yang ketat harus diubah atau dilonggarkan untuk membolehkan ramai penganggur berpeluang mencari nafkah. Mungkin dengan kerjasama dari pihak berkuasa terutama Jabatan-jabatan dan agensi Kerajaan maka masalah pengangguran dapat dikurang atau dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun ini sewajarnya menggambarkan keazaman Kerajaan untuk mengatasi kemelesetan ekonomi negara. Dalam hal ini antara harapan rakyat ialah supaya kawasan pekan-pekan kecil di luar bandar akan terus membangun.

Cadangan Kerajaan untuk mewujudkan beberapa kawasan perindustrian baru di bawah plan induk perindustrian diterima baik. Di dalam pelaksanaan perancangan ini adalah diharapkan supaya kawasan-kawasan industri tidak semata-mata ditumpukan di sekitar kawasan bandar-bandar besar sahaja, malahan Kerajaan harus menaburkan kawasan industri baru ini di luar bandar juga. Kita mahu melihat supaya penduduk-penduduk di kawasan luar bandar tidak semata-mata bergantung kepada aktiviti pertanian atau perladangan. Oleh itu, perindustrian harus juga dimasukkan ke kawasan separa bandar dan juga di luar bandar. Perkara ini boleh dilaksanakan sekiranya Kerajaan mempunyai keazaman politik.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga berharap supaya Kerajaan mempercepatkan pertumbuhan industri kecil di kawasan luar bandar. Segala kemudahan harus diberi kepada pengusaha-pengusaha yang ingin memajukan sesuatu pengeluaran mereka. Ini termasuk kemudahan pinjaman dan juga lepasan cukai

terhadap berbagai bahan atau alat yang diperlukan. Kerajaan haruslah membenarkan iklim pembangunan industri kecil yang bukan sahaja menambahkan pendapatan negara, tetapi juga menyediakan satu masyarakat yang setimpal dengan keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1987 telah memperuntukkan sebanyak \$1,993 juta untuk Kementerian Pertanian. Saya kira peruntukan itu wajar memandangkan keadaan ekonomi sekarang. Kemungkinan pihak Kementerian Pertahanan tidak memerlukan bekalan kelengkapan yang besar-besaran pada tahun 1987 dan seterusnya sehingga ekonomi negara pulih semula. Namun begitu, adalah diharapkan supaya persediaan pertahanan negara ini akan berada di tahap yang tinggi sama ada untuk menghadapi ancaman musuh dari dalam atau luar negeri.

Oleh itu, Angkatan Bersenjata kita perlu menjalani latihan yang mencukupi setiap masa di semua peringkat. Latihan-latihan ini mungkin bercorak latihan besar-besaran yang menggunakan bilangan tentera yang banyak dan melibati tentera-tentera negara asing ataupun latihan sederhana yang hanya melibatkan pasukan-pasukan di peringkat Briged atau Batalion sahaja. Di samping itu, pegawai-pegawai kanan Angkatan Tentera haruslah diberi kursus tambahan dari masa ke semasa supaya mereka sentiasa mengikuti perkembangan semasa, terutama dari segi ketenteraan dan keadaan di rantau ini. Latihan dan kursus seperti ini akan dapat mempertingkatkan kecekapan tentera-tentera kita di dalam profesion mereka.

Angkatan Tentera kita harus juga menumpukan perhatian mereka

kepada perairan Laut China Selatan, terutama di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) kita di mana terletaknya sebahagian besar daripada sumber kekayaan negara. Kita tidak mahu sumber-sumber kekayaan seperti telaga-telaga minyak dan kawasan perikanan dalam ZEE kita diancam oleh pihak asing. Perkara ini mudah berlaku memandangkan kepentingan-kepentingan kuasa-kuasa besar di rantau ini dan pertindihan tuntutan kawasan ZEE dari negara-negara jiran. Angkatan Tentera kita terutamanya Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) hendaklah sentiasa memastikan bahawa kuasa-kuasa asing tidak menduduki pulau-pulau kecil atau terumbu-terumbu kita di perairan Laut China Selatan. Rondaan mestilah dibuat setiap masa di kawasan yang sering dilawati oleh pihak asing dalam kawasan ZEE Malaysia. Di mana perlu sebilangan tentera hendaklah ditempatkan di pulau-pulau yang terpencil untuk mengawasi pergerakan pihak yang tidak diingini. Langkah-langkah seperti ini bukan sahaja boleh mengelakkan salah faham di antara Malaysia dengan jiran-jirannya tetapi juga boleh menentukan bahawa sumber kekayaan laut kita akan sentiasa terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tugas Angkatan Tentera kita sangatlah berat. Tentera-tentera kita sentiasa dikehendaki menjalankan tugas yang bahaya untuk menjaga maruah dan keselamatan negara. Ramai daripada askar-askar kita telah mengorbankan nyawa di dalam menjalani tugas. Ramai pula yang cedera dan lumpuh akibat pertempuran atau perangkap musuh. Perkara-perkara ini mendapat simpati rakyat dan kita semua berharap Kerajaan akan memberi bantuan-bantuan yang perlu kepada pihak yang menghadapi penderitaan akibat pengorbanan jiwa dan tenaga mereka.

Dalam hal ini adalah diharapkan supaya kemudahan kebajikan di perbanyakkan kepada anggota-anggota tentera yang menghadapi kesulitan. Adalah juga diharapkan supaya kemudahan asas seperti perumahan yang mencukupi disediakan kepada anggota-anggota tentera tidak kira sama ada di kem-kem di bandar ataupun di perbatasan. Dengan adanya kemudahan asas terutamanya perumahan, anggota-anggota tenteta akan dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan lebih dedikasi. Kemungkinan persediaan kemudahan ini memerlukan pemindahan sebahagian daripada peruntukan kelengkapan kepada kebajikan untuk kesesuaian anggota tentera.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan kepentingan ekonomi negara, kita mahu Kementerian Luar Negeri memainkan peranan yang aktif untuk menentukan kepentingan ini sentiasa terpelihara. Buat masa kini nampaknya penekanan perlaksanaan Dasar Luar Negeri kita masih mementingkan hal-hal dan urusan politik. Walaupun tidak dinafikan bahawa hal-hal dan urusan politik adalah penting dalam perhubungan antarabangsa, keutamaan kegiatan diplomatik kita di seberang laut harus ditumpukan kepada hal-hal dan urusan ekonomi seperti menarik pelaburan asing, mencari pasaran untuk barangan keluaran Malaysia dan mengasaskan perjanjian-perjanjian baru hubungan ekonomi dengan negara-negara luar.

Keutamaan terhadap kepentingan ekonomi dalam perhubungan antarabangsa bukanlah satu perkara baru. Mengikut Dasar Luar kita, penekanan kepentingan ekonomi telah dimulakan semenjak beberapa tahun yang lalu, tetapi nampaknya penekanan sewajarnya masih belum dilaksanakan. Kalau dibandingkan

dengan negara-negara asing, didapati perwakilan-perwakilan diplomatik Malaysia tersangat kebelakangan dari segi melaksanakan kepentingan ekonomi negaranya. Sebenarnya kedutaan dan perwakilan diplomatik negara-negara asing seperti Amerika Syarikat, Jepun, Britain, Perancis, Korea dan sebagainya sentiasa mempunyai pegawai-pegawai yang bukan sahaja mencukupi tetapi memang mahir dalam hal-hal ekonomi dan perdagangan. Sebaliknya Malaysia jarang sekali mempunyai pegawai-pegawai yang mahir dalam bidang ekonomi atau perdagangan di perwakilan-perwakilannya di seberang laut. Purata pegawai diplomatik yang menjalankan urusan perdagangan di seberang laut adalah terlalu sedikit. Malahan sebilangan besar bilangan perwakilan diplomatik masih belum mempunyai pegawai-pegawai perdagangannya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa negara kita ini kecil dan kepentingan-kepentingan politik kita tidaklah begitu besar, maka satu penyusunan semula hendaklah dibuat berkenaan dengan kedudukan perwakilan-perwakilan kita di luar negeri. Pegawai-pegawai yang berlebihan atau yang tidak diperlukan haruslah dipanggil pulang ke tanahair untuk menjimat perbelanjaan. Di samping itu, pegawai-pegawai yang diperlukan bertugas hendaklah mencerminkan kepentingan-kepentingan Malaysia yang sebenar. Kalau perwakilan-perwakilan kita masih tidak mempunyai pegawai-pegawai yang mahir di dalam bidang ekonomi dan perdagangan, maka Kementerian Luar Negeri mestilah mengambil langkah-langkah untuk mendapat tenaga yang layak atau mahir di dalam bidang tersebut daripada Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain. Sekiranya langkah ini tidak diambil dengan seberapa segera, maka pembaziran akan berlaku. Oleh itu, Kementerian

Luar Negeri kita hendaklah mengelakkan pembaziran dengan penyusunan semula pegawai-pegawai diplomatiknya supaya ia lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul Belanjawan tahun 1987 seperti yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada 24hb Oktober, 1986.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Penampang.

4.59 ptg.

Tuan Bernard Giluk Dompok (Penampang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai usul Belanjawan 1987 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 24hb Oktober, 1986.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk berucap. Ini adalah merupakan ucapan sulung saya, atau, dengan izin, maiden speech saya di Dewan yang mulia ini sejak dipilih sebagai Ahli bagi Kawasan Penampang iaitu bersempadan dengan Kota Kinabalu.

Tuan Yang di-Pertua, rayuan supaya kita semua berkorban dan bersedia menghadapi cabaran disebabkan kemelesetan ekonomi negara dan penurunan pendapatan negara adalah kena pada tempat dan masanya. Tidakkah dapat dinafikan bahawa Malaysia sangat bertuah kerana kaya dengan sumber alam dan telah dapat menikmati kekayaan sumber-sumber itu di masa-masa yang lampau oleh kerana harga-harga yang tinggi dinikmati oleh sumber-sumber itu. Sekarang keadaan sudah berubah.

Jadi kita pun terpaksa menghadapi perubahan ini secara realistik.

Bagi mereka yang terlibat secara lansung, saya fikir pemotongan elaun dan lain-lain kemudahan tidak akan memiskinkan mereka, tetapi hanya mengharap mereka berhati-hati dan lebih berdisiplin dalam berbelanja. Bagi saya, saya terima penurunan ini dengan rela, dengan kesedaran bahawa kita semua terpaksa menerima hakikat bahawa kita berada dalam keadaan yang begitu merungsingkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik dengan Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam mana mereka yang miskin dan kurang bernasib baik, seterusnya penduduk luar bandar mendapat perhatian dan layanan yang sewajarnya. Memanglah kena pada tempatnya mereka diberi layanan yang khas kerana tidakkah banyak ertinya jika pembangunan itu terlalu pincang atau lop-sided, dengan izin. Yang tidak bernasib baik ditinggalkan begitu sahaja. Tidak pula patut sokongan dan budi mereka di dalam pilihanraya yang lalu dilupakan. Tambahan pula pengurangan atau pembasmian kemiskinan adalah satu dasar negara yang penting seperti yang termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru.

Dalam menyentuh soal kemiskinan, saya ingin mengambil peluang ini di sini untuk memberikan gambaran yang jelas bahawa kadar kemiskinan atau incidence of poverty di Sabah dalam tahun 1984 adalah lebih tinggi daripada pembahagian kawasan di Malaysia iaitu kawasan Semenanjung, Sarawak dan Sabah. Kadar kemiskinan adalah lebih tinggi di kawasan Sabah iaitu 33.1% dibandingkan dengan Sarawak dengan kadar 31.9% dan Semenanjung 18.4%. Sebilangan besar mereka yang miskin di Sabah berada di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dilihat dari segi kemudahan-kemudahan sosial, yang penting pula, Sabah juga ketinggalan jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan yang lain di Malaysia. Dalam tahun 1985, selain dari kawasan Sarawak di mana bilangan rakyat yang merasai nikmat bekalan air adalah lebih rendah sedikit iaitu pada kadar 43.8%, kadar bagi Sabah pada tahap 51.5% adalah lebih rendah sedikit dari kadar bagi kawasan-kawasan di Semenanjung iaitu 80.6% bagi kawasan utara, 86.4% bagi kawasan tengah, 54.1% bagi kawasan selatan. Perbandingan dari segi bekalan air luar bandar menunjukkan bahawa hanya 38% rakyat luar bandar di Sabah bernasib baik kerana menikmati bekalan air sedang di seluruh Malaysia angkanya ialah 57.6%.

Begitu juga halnya dengan bekalan elektrik. Dalam tahun 1985 hanya 48% rakyat di Sabah menikmati kemudahan bekalan elektrik berbanding dengan 65.6% di kawasan utara Semenanjung, 85.5% di kawasan tengah Semenanjung, 59.7% di kawasan timur Semenanjung, 62.9% di kawasan selatan Semenanjung dan 49.3% di Sarawak. Walaupun pendapatan purata (Gross Domestic Product) per kapita bagi Sabah bagi tahun 1985 lebih tinggi dari kawasan-kawasan yang lain di Malaysia melainkan kawasan tengah Semenanjung, analisa mengenai kemiskinan dan bekalan kemudahan-kemudahan sosial yang penting menunjukkan bahawa Sabah sangat-sangat mengharapkan bantuan kewangan dari Kerajaan Persekutuan.

Saya berharap dan meminta agar Sabah diberi pertimbangan yang sewajarnya sebagai satu kawasan yang mundur dan serba kekurangan jika dilihat dari sudut kacamata, masalah seperti yang saya huraikan di atas. Pertimbangan khas dari segi bantuan

kewangan ini dianggap perlu supaya tidak ada kawasan yang terdesak, ianya ketinggalan dalam pembangunan negara sama ada pembangunan luar bandar atau pembangunan sosial. Saya sedar masalah kewangan yang dihadapi oleh negara, tetapi apa yang saya minta ialah dari sumber kewangan yang ada pada kita, Sabah harus mendapat pertimbangan yang khas.

Tuan Yang di-Pertua, sudah banyak diperkatakan bahawa rakyat Malaysia gemar melawat ke luar negeri dan berbelanja di negeri orang menyebabkan banyaknya pengaliran wang ke luar negeri. Langkah-langkah Kerajaan untuk membangun dan menggalakkan industri pelancongan di negara ini dan seterusnya mengurangkan pengaliran wang keluar sangat-sangat dialu-alukan. Bukan sahaja ianya boleh mengurangkan defisit dalam akaun perkhidmatan imbalan pembayaran dagangan luar, tetapi juga boleh menggerakkan pertumbuhan ekonomi yang muram. Kita sering melihat publisiti dalam media-massa memberi galakan agar rakyat Malaysia melancong di negara sendiri. Ini memang wajar, kerana negara ini tidak kurang cantik dan indahnya dibandingkan dengan negara-negara lain. Keindahan alam semula jadi dengan gunung-gunung, pantai-pantai, pulau-pulau, tumbuhan-tumbuhan liar dan lain-lain boleh menjadi penarik kuat pelancongan. Tetapi tidaklah mencukupi dengan sekadar mempunyai tempat-tempat yang menarik kerana industri pelancongan adalah satu industri di mana persaingan didapati meluas (competitive) dan harus disertakan dengan pasaran yang meluas dan berkesan serta infrastruktur dan kemudahan-kemudahan yang cukup.

Memandangkan bahawa pelancongan adalah tanggungjawab bersama (Concurrent List) di antara

pihak Persekutuan dan Negeri, nyatalah bahawa pihak Persekutuan dan Negeri harus bekerjasama dan membantu di antara satu sama lain. Di mana pihak Negeri kekurangan, pihak Persekutuan harus membantu menjayakan usaha-usaha membangunkan industri pelancongan. Misalnya di Sabah, walaupun kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti lapangan terbang dan pelabuhan dianggap mencukupi, masalah selalu timbul berkaitan dengan jalan-jalan yang menghubungkan tempat-tempat pelancongan. Oleh kerana banyak lagi jalan negeri lain yang harus dibina, Kerajaan Negeri kurang mampu menyediakan jalan-jalan ini menyebabkan pembangunan pelancongan tertindas. Dengan itu saya meminta kepada Kerajaan Persekutuan agar jalan-jalan yang menghubungkan tempat-tempat pelancongan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan seperti juga lebuh raya yang menghubungkan dua daerah atau trunk road, dengan izin. Ini menandakan bahawa pembangunan pelancongan sudah menjadi dasar penting.

Tuan Yang di-Pertua, lokasi Sabah di luar perjalanan destinasi pelancongan atau outside tourist traffic route, dengan izin, adalah satu masalah besar dalam usaha negeri Sabah dalam membangunkan industri pelancongan. Usaha ini tidak begitu bererti jika pelancong-pelancong dari luar negeri mendapati sangat sukar dan jika ongkos penerbangan ke Sabah tinggi, kerana semua ini akan menghalang keinginan mereka datang ke Sabah. Dari itu adalah dicadangkan agar Kerajaan mengambil langkah untuk mengadakan dasar terbuka ataupun open sky policy, dengan izin, di mana syarikat-syarikat penerbangan lain dibenarkan membawa penumpang-penumpang terus ke Sabah.

Walaupun langkah ini mungkin akan memberi persaingan kepada Syarikat Penerbangan MAS, ini saya percaya akan mendatangkan banyak faedah kepada pembangunan ekonomi negara amnya dan ekonomi negeri Sabah khasnya dan juga kepada Syarikat MAS sendiri.

Dengan bertambahnya pelancong maka kegiatan atau industri perhotelan akan bertambah cerah dan begitu juga kegiatan-kegiatan lain yang berkaitan dengan pelancongan, dan dengan pertukaran wang asing yang dibawa masuk maka masalah defisit dalam akaun perkhidmatan akan berkurangan.

Begitu juga dengan MAS, dengan adanya persaingan maka perkhidmatan terpaksa dinaikkan tarafnya dan ini berfaedah kepada penumpang-penumpang. Dengan kata yang lain, keadaan sekarang haruslah dikaji semula dengan mengambil kira dan melihatnya dari kacamata kepentingan negara yang meluas dan bukan kepentingan yang sempit.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan ini adalah direka sedemikian untuk menggalakkan pembangunan ekonomi. Adalah diperhatikan bahawa cukai-cukai pendapatan sama ada individu atau syarikat tidak dinaikkan dan cukai-cukai baru tidak dikenakan. Saya yakin bahawa ini akan menggalakkan rakyat bekerja lebih keras untuk menambah pengeluaran dan pendapatan mereka.

Pengenalan sistem PAYE di Semenanjung bagi mereka yang memiliki potential tax liability, dengan izin, 500 ke atas yang menerima kesan dua serampang atau two-pronged effect—yang pertama, ianya akan mengurangkan bebanan individu oleh kerana mereka tidak lagi diperlukan membayar wang sekali gus

yang banyak; yang kedua, cukai-cukai pendapatan yang dipotong dari gaji individu setiap bulan boleh dijadikan satu sumber kewangan sementara atau short-term finance, dengan izin, bagi para majikan, tambahan pula pengenalan sistem PAYE ini mengseimbangkan sistem pungutan cukai pendapatan dengan Sabah dan Sarawak. Dari segi pandangan Kerajaan ini sememangnya menyediakan satu sumber kewangan yang baru dan penting yang mana akan memudahkan perancangan kewangannya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyedari pentingnya pelaburan asing, terutama sekali dalam sektor pengeluaran. Justeru itu Akta Galakan Pelaburan yang diluluskan dalam bulan April tahun ini kena diubahsuaikan dengan memberi perangsang atau incentive, dengan izin, yang lebih banyak kepada pelabur-pelabur asing. Saya ingin menambah di sini bahawa mungkin taraf kerakyatan boleh ditawarkan kepada pelabur-pelabur asing yang ingin melabur di Malaysia, terutama sekali di dalam sektor pengeluaran.

Takrif pinjaman yang telah diluluskan telah diperluaskan untuk mengandungi pinjaman-pinjaman yang melebihi \$250 juta demi untuk menggalakkan kemasukan wang modal ke dalam negara kita. Saya ingin mencadangkan supaya jurang (threshold) itu dikurangkan sehingga \$10 juta misalnya demi untuk membolehkan peminjam-peminjam yang lebih kecil dalam sektor swasta menikmati faedahnya. Ciri-ciri lain dalam Belanjawan 1987 yang menggalakkan pelaburan sama ada asing mahu pun tempatan ialah:

- (1) pengurangan red-tape, dengan izin, oleh pihak-pihak penyelaras dan meluluskan permohonan;

- (2) pengurangan duti import ke atas bahan-bahan mentah dan alat-alat komponen yang tertentu.
- (3) penyelaras pendapatan yang telah diubahsuai oleh adjusted income bagi bahan-bahan eksport dan perusahaan kecil;
- (4) perlonggaran syarat bagi permohonan bagi perusahaan pengeluaran. Dalam konteks ini syarat-syarat untuk permohonan yang serupa di Sabah akan disemak semula dengan tujuan untuk menyelaraskan syarat-syarat yang serupa bagi seluruh negara;
- (5) perlonggaran syarat-syarat perundangan/garis panduan Dasar Ekonomi Baru berhubung dengan struktur ekuiti syarikat atau corporation.

Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa lebih banyak lagi penggalakan atau incentive dengan izin, harus diberi kepada pengeluar-pengeluar dan pelabur-pelabur di Sabah kerana sektor ini masih dalam peringkat infancy, dengan izin, dan sukar hendak bertanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia di mana sektor pengeluarannya adalah kukuh dan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan dan pasaran-pasaran yang baik.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusi Mesyuarat*)

Saya juga ingin merayu supaya syarat-syarat berhubung dengan pemberian pengecualian duti import dilonggarkan lagi dan red-tapenya dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diperhatikan bahawa dalam Belanjawan ini tidak ada disebut mengenai amnesty, dengan izin, kepada syarikat-syarikat mahu pun

individu yang berhasrat hendak membawa wang simpanan atau keuntungan mereka dari seberang laut kembali ke tanah air seperti yang terdapat di dalam Belanjawan tahun lepas. Mungkin di antara sebabnya ialah langkah tahun lalu itu tidak mencapai matlamatnya. Walau bagaimanapun, jika sekiranya amnesty yang serupa diberi terhadap pendapatan yang diperolehi dalam negeri, saya yakin lebih ramai lagi wang tunai akan timbul dan beredar dalam sistem kewangan resmi kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penggolongan saya bagi Belanjawan 1987 ini merupakan satu-satu Belanjawan yang bermakna atau sensible, dengan izin, mendatangkan keadaan masa kini. Ianya tidak menjejaskan mata pencarian para pekerja. Ianya menggalakkan pelabur asing serta kemasukan modal. Walau bagaimanapun, dengan langkah berjimat-cermat dan pengorbanan yang akan diberikan oleh orang ramai, saya ingin menggesa supaya satu cara atau jalan dicari untuk mengawal harga-harga barang-barang serta perkhidmatan termasuklah tenaga elektrik, air dan telekomunikasi dan pengangkutan. Negeri-negeri yang kurang membangun harus diberi bantuan yang lebih dalam bentuk grant atau pinjaman ringan serta kemudahan infrastruktur yang lebih baik seperti jalanraya dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Jerai.

5.17 ptg.

Tuan Ghazali bin Ahmad (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut membahaskan dalam perkara ini, cuma ada beberapa perkara sahaja yang saya ingin menyentuh.

Daripada ucapan rakan-rakan saya tadi dapatlah kita jelaskan bahawa Belanjawan yang dibentangkan ini merupakan satu Belanjawan yang tidak begitu membebankan kepada rakyat. Malahan rakyat di luar bandar amat bangga sekali dengan Belanjawan ini kerana peruntukan-peruntukan mereka selama ini tidak dipotong.

Kita harus mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. dan berterima kasih kepada Kerajaan kita di mana Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita pada hari Jumaat yang lalu telah menunjukkan suatu sikap Kerajaan kita dan pemimpin kita iaitu kepimpinan melalui teladan. Mereka bukan sahaja sanggup mengorbankan sebahagian daripada pendapatan mereka, kewangan mereka sendiri, malahan mereka juga telah sanggup menolak atau mengeneipkan beberapa kepentingan mereka dalam lawatan ke luar negeri dan sebagainya.

Pada rakyat jelata yang ada di luar bandar, terutama sekali penanam-penanam padi dan nelayan, mereka amat perlu supaya Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada mereka. Kepada penanam padi yang harga padinya tidak dapat dinaikkan dari masa ke semasa walaupun orang-orang Kedah dan Perlis menangis harga padi agar dinaikkan tetapi Kerajaan hanya memberi subsidi sahaja kepada penanam padi. Namun yang demikian, kepada penanam padi inilah satu rahmat dengan adanya subsidi padi yang telah diberikan oleh Kerajaan kita pada tiap-tiap musim menuai padi.

Ketika keadaan padi yang semakin subur menjadi dibuat di kawasan-kawasan sawah di Kedah, dari hasil benih padi yang baik, timbul pula satu masalah kerana di masa musim-musim

menuai di musim hujan, padi-padi yang dijual di kompleks-komplek LPN menjadi masalah, kerana jenis padi yang ditanam oleh penanam padi dengan mutu yang baik, malangnya apabila sampai ke kompleks-komplek LPN, mutunya digredkan dengan mutu yang rendah. Ini juga harus diberi perhatian atas harga mutu padi kerana penanam padi ini hanya mendapat faedah daripada jenis mutu padi. Kalau mutu padi ini dikira rendah oleh LPN pula yang merugikan petani, siapakah lagi yang harus dipertanggungjawabkan untuk menjaga kepentingan penanam padi kita?

Penanam padi di Kedah sedar bahawa semenjak wujudnya LPN ini maka inilah sahaja sebuah agensi Kerajaan yang benar-benar membela penanam-penanam padi kita. Dan penanam-penanam padi di Kedah memang akui kalau tidak ada LPN ini maka mereka tentulah menjual padi mereka mengikut harga sesuka hati oleh pihak swasta yang membeli padi mengikut gred dan harga yang ditetapkan oleh pembeli-pembeli padi daripada kalangan swasta. Tetapi harapan ini semakin meleset pula akhir ini apabila tiba musim padi, LPN sendiri telah membeli harga padi dengan mutu padi yang dijual oleh penanam-penanam padi dengan harga yang tidak berpatutan. Apa yang menguntungkan kepada penanam padi hanyalah subsidi sahaja. Tetapi bagaimana subsidi ini yang telah dapat dinikmati oleh penanam-penanam padi kita? Kini pada tahun ini sahaja lebih daripada \$300,000 subsidi padi yang tidak dapat diambil oleh penanam-penanam padi di Kedah.

Dalam keadaan ini juga kebanyakan penanam padi ini bukanlah semuanya penanam padi yang cerdik pandai, tetapi yang besar daripada golongan ini ialah golongan yang tidak begitu tahu, malahan ada yang buta huruf, yang amat sukar sekali menerima

subsidi-subsidi padi ini daripada kompleks-komplek LPN menyebabkan banyak kes yang didapati bahawa penanam padi tidak dapat langsung subsidi padi yang telah diberikan oleh Kerajaan untuk membantu mereka supaya mengatasi masalah harga padi.

Dalam soal ini juga baru-baru ini ketika padi-padi yang dikeluarkan, yang dihasilkan oleh penanam padi kita di Kedah, kompleks-komplek LPN telah tetap tidak dapat melayani kehendak penanam-penanam padi, datanglah orang sebelah kita yang cuba hendak menonjolkan diri sebagai hero, sebagai pembela penanam padi. Mereka ini terdiri daripada DAP cuba mencari pengaruh di kalangan penduduk-penduduk luar bandar supaya penanam-penanam padi akan menyokong mereka kelak, kononnya merekalah akan memperjuangkan nasib rakyat, nasib penanam padi yang ada di Kedah setelah mereka dapat memenangi beberapa kawasan-kawasan pilihanraya di bandar-bandar dalam negara kita. Keadaan ini harus diberi perhatian oleh Kerajaan sendiri, jangan pula penanam padi akan timbul satu kemarahan kepada sistem kupon yang dibuat ini. Ini harus dikaji semula cara memberikan kupon subsidi padi ini kepada penanam padi dengan satu sistem yang lebih mudah dan senang kepada penanam padi untuk mendapat subsidi mereka daripada kompleks-komplek LPN.

Tuan Yang di-Pertua, kita sungguh berterima kasih kerana dalam saranan Yang Berhormat Menteri Kewangan kita bahawa satu faedah yang lebih 2% kepada mereka yang hendak meminjam bagi golongan Kumpulan A, B dan C dan tidak termasuk Kumpulan D. Dengan menaikkan 2% kepada faedah yang diberi kepada pinjaman perumahan dan kereta kepada golongan Kumpulan C ianya amat terasa sekali, terutama bagi golongan-golongan muda, golongan

yang baru bekerja, golongan yang pendapatan mereka masih rendah lagi. Bukanlah golongan mereka yang sudah lebih, yang hampir bersara tidaklah begitu ketara sangat. Tetapi bagi mereka yang sedang dalam perkhidmatan dalam Kumpulan C, mereka rasa amat berat sedikit kalau kenaikan ini dikenakan kepada golongan mereka. Oleh yang demikian, Kerajaan dan pihak Perbendaharaan sendiri harus mengkaji tentang kenaikan ini. Saya sarankan kenaikan ini sepatutnya kepada golongan Kumpulan A dan Kumpulan B sahaja dan tidak terlibat kepada Kumpulan C.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh lagi tentang masalah penanam padi di Kedah. Penanam-penanam padi di Kedah ini mereka merupakan rakyat yang benar-benar berkorban untuk kepentingan negara, kerana merekalah telah menyelamatkan wang negara daripada membeli beras luar negeri. Mereka hanya mendapat faedah dengan subsidi baja dan subsidi wang kepada mereka yang bekerja, tetapi kemiskinan yang ada di kawasan penanam padi semakin berat, kerana tanah-tanah di kawasan tanaman padi terhad dan terbatas. Anak-anak yang akan lahir daripada golongan penanam padi akan lahir sebagai manusia miskin, manusia miskin ini akan diwarisi sepanjang hidup penanam padi untuk beberapa keturunan dan jenerasi yang akan datang. Kalau mereka tidak diubah cara oleh Kerajaan kita dengan apa caranya yang baik sama ada membawa mereka masuk ke dalam rancangan tanah FELCRA atau FELDA dan sebagainya supaya peluang-peluang memberi tanah kepada mereka haruslah diberi keutamaan kepada penanam padi yang miskin yang berada di kawasan Utara Semenanjung ini.

Kimiskinan ini semakin ketara apatah lagi kalau kita katakan bahawa di kampung-kampung yang masih belum cukup lagi infrastrukturnya seperti jalanraya dan elektrik, bekalan air di mana masih banyak lagi kampung-kampung yang belum menikmatinya. Oleh yang demikian, kalau sudah mereka miskin kerana tradisi hidup mereka dan cara hidup mereka dari zaman nenak moyang mereka lagi, apakah kemiskinan ini akan kita biarkan begitu sahaja dan kita tidak akan bertindak mengatasinya. Oleh yang demikian, Kerajaan harus menepati sebagai Kerajaan yang sentiasa membela rakyat dan menjadi slogan Barisan Nasional, "Tradisi Membela Rakyat" ini akan dapat benar-benar dirasai oleh rakyat terutama bagi penduduk penanam padi di Kedah dan juga bagi nelayan-nelayan yang ada di pantai-pantai.

Menyentuh kembali kepada soal nelayan pula, saya ingin menekankan bahawa sudah beberapa tahun keadaan ini berlaku di lautan kita di mana nelayan pantai dan nelayan yang bekerja besar masih berterusan bergaduh, kerana kawasan perairan untuk mereka menangkap ikan. Ini menjadi rebutan rezeki di antara golongan besar dan golongan kecil. Nelayan yang paling miskin, nelayan yang ada di pantai, nelayan yang menggunakan alat-alat tangkapan ikan yang tradisi—(cara lama), yang tidak dapat faedah yang besar seperti nelayan besar yang menggunakan bot-bot yang besar yang dapat menangkap ikan di tengah-tengah lautan. Tetapi mereka ini selalu menjadi mangsa kepada bot-bot yang besar yang menangkap ikan di tepi pantai menyebabkan banyak nelayan ini terancam dengan berbagai-bagai keadaan. Bukan sahaja rezeki mereka terancam, malahan nyawa mereka juga sendiri terancam dengan gangguan-gangguan yang dibuat oleh golongan nelayan-nelayan yang besar.

Oleh yang demikian, maka eloklah suatu usaha Kerajaan memberi perhatian kepada nelayan-nelayan kecil ini bukan sahaja mereka diberi subsidi untuk mendapat bot, pukat atau jaring dan sebagainya, mereka juga harus ditempatkan, disusun semula masyarakat nelayan ini di mana-mana kawasan yang sesuai supaya dapat diadakan satu pemulihan yang benar-benar bertanggungjawab bagi mewujudkan sebuah masyarakat nelayan yang moden yang dapat menggunakan teknologi yang moden dengan bimbingan Kerajaan kita yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya bincangkan soal ini maka nelayan ini hanyalah sebagai kaum yang hanya ada tenaga empat kerat sahaja. Mereka tidak mempunyai harta. Mereka dapat menghasilkan lebih banyak ikan di perairan laut tetapi hasilnya hanya dapat dinikmati oleh orang-orang tengah. Tidak ada usaha-usaha yang dapat dibuat betul-betul dapat memasarkan ikan-ikan mereka di kota-kota atau di mana-mana tempat yang sesuai yang boleh membawa hasil mereka yang lebih menguntungkan kepada nelayan-nelayan kita.

Kadang-kadang nelayan sendiri yang saya dapat tahu di beberapa kawasan yang dapat saya temui mereka, mereka tidak tahu harga tangkapan ikan-ikan mereka kerana ianya diaturkan oleh orang-orang tengah sahaja. Kalaupun kita ada Lembaga Kemajuan Ikan dan berbagai-bagai badan lagi untuk membantu nelayan tetapi sudah setakat manakah dari usaha-usaha ini dapat benar-benar nelayan merasai nikmat daripada usaha Kerajaan kita ini.

Oleh yang demikian haruslah kita memberi satu perhatian yang benar-benar untuk memperbaiki taraf hidup

mereka yang selama ini telah ketinggalan dan patut kita mengubah cara hidup mereka sama ada sebahagiannya kita masukkan dalam rancangan-rancangan tanah dan kita buat pemulihan atau penyusunan semula masyarakat nelayan kita seperti menempatkan mereka di kawasan yang lebih sesuai untuk membolehkan mereka hidup sebagai nelayan yang maju dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak perkara yang saya hendak perkatakan tetapi sudah banyak disentuh oleh kawan saya dan saya hendak bercakap lagi berkenaan Jabatan Perpaduan Negara. Dalam masa Pilihanraya yang lalu sudah cukup membuktikan kepada kita sentimen perkauman yang dimainkan oleh parti-parti lawan kita terutama dari DAP yang bersungguh-sungguh menimbulkan sentimen ini. Kita rasa bahawa Jabatan Perpaduan Negara harus bertindak lebih tegas, lebih berkesan untuk menyatupadukan, untuk menyuburkan semangat perpaduan dan muhibbah (goodwill) di kalangan penduduk negara kita ini dan hendaklah Jabatan Perpaduan Negara lebih banyak mengadakan berbagai-bagai aktiviti bagi membantu usaha-usaha memupuk-suburkan semangat perpaduan di antara kaum di negara kita.

Kita bersyukur ke hadrat Allah walaupun sudah berpuluh tahun, lebih suku abad kita merdeka, perpaduan kaum negara kita makin kuat dan masih utuh. Ini kesemuanya adalah rasa tanggungjawab tiap-tiap rakyat, tiap-tiap warganegara yang ada di negara kita daripada orang Melayu, orang Cina, Tamil, orang Kadazan, orang Iban, kita bersatu dengan bersungguh-sungguh dan kita menyatakan bahawa kita tidak ada kiblat yang lain hanya Malaysia sahajalah tempat kita lahir, tempat kita berbakti, di tempat kita menjunjung, tempat kita cintai dan

tempat kita nikmati segala hasil mahsulnya. Tetapi malangnya dalam usaha-usaha kita yang mulia ini ada golongan-golongan tentu yang cuba mengambil kesempatan untuk mengeruhkan suasana perpaduan ini dengan menimbulkan isu-isu yang boleh menyinggung perasaan sesuatu kaum di negara ini.

Oleh yang demikian, haruslah Jabatan ini dan juga Jabatan-jabatan lain yang berkenaan sama ada Jabatan Penerangan atau Jabatan lain berusaha bersungguh-sungguh dalam menjaga perpaduan negara kita ini. Kita harus ingat jangan lagi berlaku satu keadaan yang gelap pekat dan satu keadaan yang hitam di negara kita macam mana terjadinya pada tahun 1969. Sebelum keadaan itu berlaku, kita harus bendung dari sekarang dan kita harus bertindak dari sekarang menjaga perpaduan kita. Janganlah kita cuba memainkan api ini, kita sudah tahu, kalau api kecil jadi kawan tetapi kalau sudah besar menjadi lawan. Kalau sudah ia membakar di tiap-tiap hati orang dalam negara kita maka akan timbul satu keadaan yang tidak diingini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh dalam ucapan saya yang lalu, iaitu mengenai kegiatan sivik di kalangan masyarakat kita. Kerana perlunya kegiatan sivik ini di kalangan masyarakat kita, kita lihat berapa pondok telefon telah dirosakkan dan berapa batang tanda-tanda jalanraya telah dicontengkan dan begitu juga tandas-tandas awam yang telah dibuat berbagai-bagai tulisan yang mengaibkan dan memalukan. Ini adalah kerana bunga-bunga satu keruntuhan moral di kalangan anak-anak warganegara kita.

Oleh yang demikian, pelajaran sivik bukan sahaja diajar di sekolah sahaja, kita rasa mereka sudah lupa setelah keluar sekolah beberapa tahun, dan

beliawanis dan mereka sudah hilang pedoman, sudah lupa kepada buku sivik yang belajar di sekolahnya, tetapi di luar sekolah juga perlu diadakan pelajaran sivik oleh Jabatan Penerangan dan mana-mana Kementerian yang lebih sesuai dapat mengajar lagi sivik mahupun Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya membimbing belia-belia kita menjadi warganegara yang penuh tanggungjawab dan mempunyai maruah supaya tidak meruntuhkan moral mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang menghayati penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara. Kalau sesudah pilihanraya tahun 1982 yang lalu kita dengar bahawa usaha Kerajaan menerapkan nilai Islam dalam pentadbiran kerana nilai-nilai ini amat penting dalam penghidupan orang-orang Islam. Oleh yang demikian berbagai-bagai cara telah dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri dalam soal penerapan nilai-nilai Islam. Apakah sudah cukup dengan apa yang dibuat untuk penerapan nilai-nilai Islam ini di kalangan kakitangan Jabatan Kerajaan sahaja. Dan pengertian yang lebih meluas tentang penerapan nilai-nilai ini perlu diberi penjelasan yang lebih mendalam kepada pegawai-pegawai Kerajaan sendiri.

Kita tahu walaupun kita ada cara supaya pekerja-pekerja dapat datang ke pejabat mengikut jadual yang ditetapkan dengan etika kerja tetapi ada berapa banyak juga penipuan bukan di kalangan pegawai-pegawai rendah, pegawai-pegawai tinggi sendiri juga telah membuat penipuan dengan menyuruh pelayan pejabatnya menaruh kad di dalam mesin punch card yang menunjukkan bahawa mereka datang tepat pada pukul 8.00 pagi. Penipuan-penipuan ini sudah membuktikan bahawa penerapan nilai-nilai Islam itu belum benar

masuk lagi di kalangan pegawai-pegawai kita, apatah lagi mereka sebagai pemimpin di dalam sesebuah jabatan Kerajaan atau Kementerian.

Oleh yang demikian, inilah kita harus memberi satu perhatian yang serius, kita harap Jabatan Perdana Menteri akan menjalankan berbagai-bagai kegiatannya supaya benar-benar penerapan nilai-nilai Islam ini dalam Jabatan Kerajaan perlu diamalkan dan dipraktikkan dengan betul oleh semua kakitangan Kerajaan. Kalau dalam hal ini tidak dapat dibuat, maka akan sia-sialah penerapan yang kita agung-agungkan selama ini yang hanya satu khalayan yang tidak dapat menimbulkan sesuatu kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh tentang tempat-tempat bagi peniaga-peniaga kecil Bumiputera di bandar. Kita sering melihat bahawa para peniaga kecil terutama di kalangan belia kita yang baru mula belajar berniaga, yang selalu dihalau macam kambing oleh pihak-pihak berkuasa tempatan sama ada Majlis Bandaraya dan sebagainya kepada mereka yang baru mula berniaga kerana sukar mendapat tempat dan lesen perniagaan.

Pihak-pihak berkuasa tempatan harus memahami hakikat pengangguran di kalangan belia kita yang semakin bertambah tiap-tiap tahun. Hakikat ini harus dimengertikan, kalau kesukaran mereka mendapat lesen perniagaan dan tempat-tempat berniaga di bandar, maka haruslah pihak berkuasa tempatan memberi satu pertimbangan yang saksama kepada mereka ini kalau tidak mereka akan berasa kecewa. Kita amat sedih kalau kita melihat segala usaha yang mereka cuba hendak menjalankan perniagaan sudahlah kalau modalnya hanya dapat dihimpun sekadar \$1,000 dengan dengan serta barang-barangnya yang

telah dirosakkan atau dirampas oleh pihak berkuasa tempatan sudah melebihi daripada angka modalnya. Bagaimanakah hati dan perasaan seorang belia kita yang baru hendak mula muncul di alam perniagaan yang kesemuanya tidak mendapat sokongan daripada pihak-pihak yang tertentu.

Oleh yang demikian, eloklah mereka diberi kesempatan, berilah mereka ruang-ruang niaga yang sesuai dengan kemampuan mereka. Sekarang ini ada pula ruang niaga yang tidak dapat mereka sewa, yang tidak berkemampuan mereka menyewa dan ada yang diberikan pula tempat-tempat perniagaan yang tidak sesuai dengan tempat yang hendak dijalankan perniagaan. Apabila mereka tidak berjaya berniaga, mereka kecewa dan gagal, maka pihak berkuasa pula mudah mengatakan mereka tidak pandai berniaga. Kesalahan-kesalahan begini tidak patut berlaku lagi dalam zaman ini.

Kita harus memerhatikan keadaan mereka supaya tapak-tapak perniagaan mereka itu benar-benar tempat yang logik, tempat yang strategik. Itulah yang patut diberikan pertimbangan yang sewajarnya oleh pihak-pihak berkuasa tempatan. Di dalam usaha bidang belia-niaga ini, kita berterima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan yang telah memberikan bantuan kewangan kepada mereka untuk berniaga. Walaupun demikian, kita harus ingat bahawa ada golongan-golongan yang tertentu yang cuba mengambil kesempatan dalam bidang ini, ada juga golongan-golongan yang cuba memperalatkan belia-belia ini untuk kepentingan perniagaan mereka, kepentingan golongan orang-orang tertentu untuk menjaga kepentingan mereka dan bukan kepentingan perniagaan belia-belia itu sendiri. Inilah satu perkara yang berlaku yang harus pihak Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan memerhatikan bagaimanakah cara pemberian yang diberikan yang berupa bantuan kepada mereka dalam menjalankan usaha belia-niaga ini benar-benar dapat dilaksanakan oleh pihak belia-belia kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal tugas Kementerian Kerjaraya, saya ingin juga menyentuh tentang infrastruktur, jalan-jalan raya yang ada di kampung-kampung. Di dalam kawasan Parlimen saya, di Jerai, Kedah, ada dua-tiga jalan raya yang sudah dibina sejak 10 tahun lebih, sampai putus jalan-jalan tersebut tak boleh digunakan. Jalan ini dibuat oleh Jabatan Kerja Raya. Inikah jalan yang dibuat oleh Jabatan Kerja Raya? Saya telah tiga kali bangun dalam sesi ini hendak bercakap soal jalan ini kepada Menteri Kerjaraya, tetapi malangnya tidak dapat. Dalam Budget ini dapat juga saya bentangkan iaitu ada tiga batang jalan ini di kawasan saya yang pada bulan yang lalu, di mana 25 orang guru sekolah datang menemui saya kerana mereka tidak dapat pergi ke sekolah tersebut pada hari itu kerana jalan raya putus langsung.

Saya terus memberitahu Jabatan Kerjaraya, minta segera dibaiki kerana banyak anak-anak di pendalaman tidak dapat belajar kerana guru-gurunya banyak yang tinggal di bandar. Tetapi keadaan ini jawapan yang diterima daripada Jabatan Kerjaraya paling mudah, kerana kewangan kita kekurangan. Adakah kekurangan ini telah dialami sudah hampir 10 tahun. Bila rancangan jalan kampung di bawah Rancangan Pembangunan Luar Bandar yang dibuat oleh pegawai daerah, yang diusahakan oleh Pegawai Daerah itu adalah lebih mudah, dan boleh dibina, boleh dibuat dengan tar jalan ke kampung, tetapi malangnya jalan yang dibuat oleh Jabatan Kerja Raya, saya amat kesal sekali iaitu tiga

batang jalan raya di kawasan saya, tidak dapat ditar walaupun sudah 10 tahun lebih dibina. Bukan sahaja hendak ditarkan, jalan itu juga tidak dapat digunakan betul oleh penduduk kampung. Apatah lagi oleh penanam padi untuk mengeluarkan hasil daripada kawasan-kawasan sawah padi yang perlu menggunakan jalan raya untuk kepentingan mereka itu.

Saya berharap pihak Kementerian Kerja Raya akan memberi perhatian berat, akan memberikan perhatian yang sungguh-sungguh yang tidak sekadar melepas batuk di tangga, yang harus benar-benar membuat jalan untuk kepentingan rakyat, supaya rakyat benar-benar percaya dengan janji-janji Kerajaan, dan bukanlah janji Wakil-wakil Rakyat di masa pilihanraya, tetapi satu janji yang diberi oleh Kerajaan kepada rakyat, untuk kepentingan rakyat, apatah lagi di kawasan yang amat perlu jalan-jalan yang dikehendaki oleh rakyat sendiri.

Beralih kepada bidang kebajikan, sungguhpun dalam kelembapan ekonomi dan kemerosotan ekonomi di mana negara kita terpaksa berjimat dalam perbelanjaannya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga harus janganlah menjimatkan pula tentang memberikan bantuan kepada orang-orang tua dan miskin dan anak-anak yatim dan juga mereka yang melarat seperti janda-janda yang kehilangan tempat bergantung, yang semata-mata mengharapkan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Di sinilah Kementerian Kebajikan jangan cuba hendak mengecilkan bantuan yang diberikan kepada mereka.

Oleh yang demikian, saya menggesa kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat supaya memberikan perhatian yang sungguh-sungguh kepada orang-orang tua, anak-anak

yatim, orang-orang miskin dan janda-janda melarat itu. Bantuan ini janganlah dikurangkan walaupun Kerajaan menghadapi kelembapan ekonomi dan berjimat cermat dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa rumah-rumah orang-orang tua sekarang ini, Kementerian Kebajikan Masyarakat cuba meminta Majlis-majlis Kebajikan Daerah/Negeri untuk mengambil alih rumah-rumah orang-orang tua ini. Di Kedah, sebagai Ahli Majlis Kebajikan Negeri Kedah, tanggungan ini kami telah faham bahawa ini sepatutnya Kementerian sendiri yang patut mengelolakan rumah-rumah kebajikan tersebut. Janganlah bagi rakyat mengelolakan kerana kalau rakyat mengelolakan, rakyat hendak minta derma pun amat sukar. Apatah lagi dalam keadaan kelembapan ekonomi di mana usahawan kita juga mengalami kerugian yang telah menempuh berbagai halangan.

Oleh yang demikian, Kementerian Kebajikan Masyarakat hendaklah memberikan perhatian wajar kepada perkara ini, kepada rumah-rumah kebajikan orang-orang tua kita. Walaupun begitu ada juga orang-orang tua yang tidak mahu menduduki rumah-rumah yang mereka ditempatkan itu, maka eloklah Kementerian Kebajikan Masyarakat supaya mengadakan satu projek bagi membantu orang-orang tua itu mendirikan rumah sama ada di kampung-kampung, di Kedah ada banyak pondok di tempat pusat-pusat pengajian Islam yang boleh diberi kepada orang-orang tua Islam dan dapat menghabiskan hayatnya untuk menduduki kawasan pondok, mempelajari agama daripada guru-guru agama yang ada di kawasan-kawasan pondok itu. Dan mereka perlulah dibantu pada sepanjang masa sementara hayat mereka masih ada.

Dan saya amat takut sekali dengan langkah berjimat-cermat ini kalau-kalau nasib mereka, nasib orang-orang tua itu yang selalu dihambat, yang tidak boleh mengemis atas jambatan dan tidak boleh duduk di kaki lima dan tidak boleh tidur di tepi jalan, tetapi ke mana mereka patut diberikan tempat kediaman mereka? Mereka haruslah ditempatkan di mana yang sesuai kepada mereka sendiri.

Oleh yang demikian, Kementerian Kebajikan Masyarakat perlulah memberikan perhatian ini dan janganlah kerana kelembapan ekonomi ini menyebabkan peruntukan kepada mereka hendak dikurangkan pula.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang soal rumah kos rendah, soal rumah kos rendah ini kita lihat di beberapa buah negeri banyak rumah kos rendah ini yang tertinggal, yang kawasannya telah naik lalang dan banyak dindingnya pun telah pecah, bumbungnya telah terkoyak. Apakah rumah-rumah itu tidak diminta oleh rakyat atau sengaja ditinggalkan begitu sahaja? Perkara ini harus Kementerian Perumahan memberikan perhatian berat soal ini. Janganlah kita membazirkan wang rakyat dalam membuat sesuatu projek. Oleh yang demikian, Kementerian Perumahan juga harus waspada tentang hal ini dan harus mengambil kira tentang bagaimana taraf tiap-tiap satu projek perumahan rakyat yang seharusnya dibuat. Kita tahu kalau ada projek yang cepat hendak dibuat, projek perumahan sehingga rakyat yang menduduki rumah itu tidak tahan sampai 10 tahun, bumbung sudah runtuh kerana kayu yang diorder, yang dipesan oleh pemborong yang membuatnya dengan cepat menyebabkan rumah-rumah kos murah itu lebih menjadi neraka kepada mereka yang tinggal di

dalamnya. Penyiksaan ini sudah dirasakan oleh mereka yang menduduki rumah murah ini.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan haruslah mengkaji bagaimana letaknya kedudukan taraf rumah-rumah ini, jangan hanya banyak membuat perancangan, tetapi sedangkan untuk dinikmati dan diduduki oleh penghuni-penghuni rumah murah itu tidak dapat mereka rasakan sebagai sebuah rumah yang benar-benar sesuai. Apabila duduk atau tinggal sahaja di rumah itu dua-tiga bulan, simen sudah pecah, dinding sudah retak, bumbung sudah mula bocor.

Ini apa cerita, Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang duduk di kawasan rumah-rumah murah itu? Kita tahu bahawa Kerajaan akan membuat lebih banyak rumah murah dalam tahun hadapan tetapi janganlah sampai rumah murah itu akan tinggal begitu sahaja, yang akan menjadi tempat kediaman "hantu" bersemayam dan hendaklah benar-benar kedudukan rumah-rumah murah itu, terutama ruang-ruang rumah-rumah itu patut juga diambil kira. Janganlah sampai rumah murah yakni rumah berkeluarga bukanlah rumah orang bujang yang hanya untuk tempat tinggal seorang-dua sahaja dalam sebuah rumah, rumah berkeluarga ini akan mempunyai anak, akan melahirkan banyak keturunan dan harus kita fikirkan bagaimana dengan dua ruang bilik yang harus diduduki oleh bapa, anak dan saudara mara dan sebagainya? Ini semua harus diambil kira supaya tidak menjadi ketara perancangan kita, perancangan Kerajaan ini.

Oleh itu, saya harap teguran saya ini semoga akan menjadi satu perkara yang baik kepada rakyat dan Kerajaan kita, demi supaya Kerajaan yang membela rakyat, maka kita akan buat

selamanya dan walaupun ada orang yang cuba eksplotat atas usaha kita, maka kita akan jalankan dengan sebaik-baiknya.

Saya ingin lagi menyentuh soal agama Islam, walaupun ini hak Kerajaan Negeri, tetapi ada sangkut-paut dengan Jabatan Perdana Menteri. Oleh kerana banyak sangat di kampung-kampung soal nikah tak sah, yang patut dinikah semula di antara orang-orang Islam. Kalaupun sudah ada Kadi sudah kahwinkan pasangan Islam dan sah di segi syarak, tetapi ada kumpulan pula yang mengaku tidak sah.

Ada kes berlaku di Kedah, terpaksa pula hendak dikahwinkan sekali lagi, sudah tua dan sudah mempunyai cucu, hendak dikahwinkan semula. Adakah tidaknya Jabatan Perdana Menteri atau Kerajaan Negeri sendiri mengambil perhatian dalam soal ini?

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana tentang penyembelihan orang-orang Islam. Pada orang Islam, kalau orang Islam itu menyembelih mengikut orang Islam, maka adalah sah orang Islam makan. Tetapi ada kalangan orang-orang yang cuba mencari pengaruh politik dalam negara kita, mereka cuba mengatakan bahawa penyembelihan yang dibuat oleh golongan ini tidak sah dan tidak boleh dimakan. Oleh yang demikian haruslah keadaan ini Jabatan Perdana Menteri dan Bahagian Hal Ehwal Agama Islam mengambil perhatian yang berat. Bukan sahaja soal penyembelihan malahan timbul ajaran sesat. Ada yang berzikir hingga macam ribut, boleh runtuh rumah kerana zikir. Ini pun satu cara juga yang semakin berlaku.

Apakah kurangnya ajaran Islam yang ada di sekolah-sekolah kita, sekolah-sekolah rendah, sekolah-sekolah menengah, sekolah-sekolah

rakyat dan sekolah-sekolah Kerajaan, tetapi masih lagi berlaku penyelewengan dalam perkara agama sesat, ajaran sesat yang berlaku di kalangan orang Islam yang ada sekarang. Apatah lagi sudah banyak pula tersiar di akhbar-akhbar, orang-orang murtad, orang-orang yang telah memeluk agama Islam dan telah keluar kembali kepada agama asalnya. Apakah peranan Jabatan Perdana Menteri? Sejauh mana keadaan ini berlaku, dan itu juga harus diambil kira.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja ucapan perbincangan saya sebagai menyokong belanjawan ini, maka sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudah banyak hari tidak ada peluang hendak berucap. Hari inilah saya berpeluang berucap. Saya beri dahulu setakat ini, insya Allah, kita akan sambung lagi banyak perkara yang saya belum sentuh lagi.

Sekian, terima kasih.

5.54 ptg.

Tuan Joe Ojihi Supiring (Marudu): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1987 ini.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan telah dimaklumkan bahawa Perbekalan Belanjawan bagi tahun 1987 adalah sederhana sahaja, ekor dari pada keadaan ekonomi dunia meleset dan juga berdasarkan kepada kedudukan kewangan negara kita ketika ini yang mana ianya amat membimbangkan. Keadaan ekonomi yang serba meruncing ini amatlah mencabar, terutama sekali bagi Ahli-ahli Dewan Rakyat khususnya dan rakyat amnya.

Saya kira belanjawan negara bagi tahun 1987 amatlah mencabar sekali. Pada keseluruhannya Rang Undang-undang Perbekalan pada tahun hadapan amat membimbangkan. Saya rasa semenjak negara kita mencapai kemerdekaan inilah julung-julung kalinya Kerajaan mengemukakan bentuk belanjawan yang serba berhati-hati. Ini dapat dibuktikan dengan bermacam-macam langkah yang telah diperkenalkan, di mana ianya amat mencabar semua pihak, terutama sekali yang menyentuh kedudukan kakitangan-kakitangan Kerajaan dan kakitangan swasta di seluruh negara. Sunguhpun begitu, memanglah wajar dan tepat pada masanya pihak Kerajaan menguatkuasa langkah-langkah yang positif dan berani ini. Kerajaan dari semua golongan rakyat, terutamanya golongan intelek dan profesional amatlah diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah peningkatan defisit negara dan negeri-negeri adalah disebabkan ketidakseimbangan pendapatan dan perbelanjaan. Perkara ini haruslah dipandang serius. Justru itu, Kerajaan mestilah mengambil inisiatif yang wajar dan berkesan. Galakan peningkatan produktiviti negara dan peningkatan mutu barangan dalam pasaran tempatan dan juga luar negeri haruslah dititikberatkan. Memandangkan potensi pengeluaran dan penghasilan negara tertumpu kepada bahan mentah adalah dicadangkan agar Kerajaan memberi perhatian yang lebih kepada penduduk-penduduk di desa-desa. Mereka mestilah diberi keutamaan dari segi memodenkan kaedah-kaedah pertanian. Dengan kata lain, Kerajaan harus memperuntukkan bantuan teknik dan jentera-jentera moden kepada mereka. Walau bagaimanapun, hasil yang banyak tidak akan ke mana kalau tidak ada pasaran yang tersedia. Untuk pergi ke tempat-tempat pemasaran ini juga

memerlukan rangkaian perhubungan yang baik, jadi masalah jalan raya juga, atau masalah pembangunan-pembangunan perhubungan di desa-desa atau kampung-kampung juga merupakan satu perkara yang rumit bagi penduduk di desa atau di kampung-kampung. Kita memang sedar akan kesempitan kewangan negara, akan tetapi Kerajaan haruslah memberi perhatian kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan bagi Pembangunan pada tahun 1987 ialah \$6,673 juta iaitu berkurangan sebanyak \$2,185 juta atau 25% berbanding dengan peruntukan bagi Pembangunan tahun sebelumnya. Ini amatlah rendah sekali di saat-saat negara kita, di mana orang-orang di desa atau orang-orang yang miskin hauskan pembangunan. Oleh itu saya merayu kepada pihak Kementerian yang berkenaan agar memperuntukkan jumlah wang tersebut secara berhati-hati dan adil. Pihak Kementerian haruslah memberi keutamaan kepada daerah-daerah yang masih jauh tertinggal di belakang dari segi pembangunan seperti kawasan saya juga, kawasan Marudu, di Sabah. Disebabkan perhubungan merupakan batu penghalang utama peningkatan produktiviti di kawasan Marudu, maka Kerajaan haruslah mengagihkan peruntukan bagi pembangunan di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong terhadap peruntukan yang agak tinggi bagi pertanian dan pembangunan tanah. Ini adalah disebabkan kawasan saya, iaitu Marudu, amat sesuai untuk tujuan tersebut, disebabkan masih terlalu luas kawasan tanah yang terbiar. Oleh itu saya merayu agar pihak Kerajaan dapat membuat satu rancangan untuk memajukan pertanian di kawasan ini. Di samping itu masalah kejatuhan harga copra atau harga kelapa

haruslah diambil perhatian. Saya mencadangkan di Dewan yang mulia ini agar pihak Kerajaan berikhtiar untuk mendapatkan pasaran kelapa yang boleh menampung kehidupan para penanam kelapa di mana 70% daripada penduduk di kawasan Marudu adalah bergantung kehidupan dari tanaman kelapa. Saya rasa pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Perusahaan, harus meneliti liabiliti, dengan izin, bagi mengilangkan dan mencari pasaran seterusnya bagi biji-biji kelapa tua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong kepada pengubahsuaian dasar pentadbiran cukai pendapatan terhadap kakitangan awam dan kakitangan swasta. Dengan adanya keseimbangan atau penyelarasan pemotongan cukai pendapatan kakitangan Kerajaan dengan saksama, maka segala prasangka yang buruk, sama ada dari kakitangan awam di Semenanjung atau di Sabah dapat dikikiskan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang diberi bagi maksud pengurusan, terutama sekali pengambilan lebih banyak guru-guru amat saya alu-alukan. Memandangkan Sabah mengalami masalah kekurangan guru, saya mencadang kepada Kementerian Pelajaran agar konsentrasi pengambilan guru-guru sandaran diperhebatkan, ianya juga dapat mengurangkan beban Kerajaan terhadap pengangguran yang kian meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan sekolah-sekolah di Sabah, terutama sekali di luar bandar amatlah menyedihkan, terkadang balairaya terpaksa dipinjamkan untuk menampung pertambahan pelajar. Guru-guru juga kadang-kadang terpaksa tinggal di rumah-rumah

panjang disebabkan ketidak-cukupan rumah guru-guru. Saya ucapkan syabas kepada guru-guru yang tabah menghadapi cabaran tersebut. Oleh itu, saya merayu agar Kerajaan dapat mengambil inisiatif untuk mengatasi masalah tersebut. Pertukaran kakitangan ke kawasan-kawasan yang terpencil haruslah dibuat secara "routine" atau secara bergilir-gilir, ini adalah untuk mengelakkan, dengan izin "favouritism". Pegawai-pegawai Pelajaran Negeri dan Daerah harus meneliti aduan atau sungutan-sungutan guru-guru di peringkat rendah yang mengajar di seluruh pelusuk desa di kawasan yang terpencil. Ini adalah sebagai menghormati perkhidmatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pembekuan kenaikan gaji selama 3 tahun dan pengurangan elaun lebih masa kerja kepada kakitangan awam difikirkan kurang baik. Walaupun kita sedar akan implikasi kemelesetan ekonomi, tetapi masalah atau implikasi terhadap pembekuan ini saya rasa lebih bahaya. Perkara yang mungkin akan berlaku ialah rasuah di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan. Oleh itu, saya merayu agar Kerajaan memberi pengawasan serapi-rapinya terhadap kakitangan-kakitangan Kerajaan, kalau tidak, sudah tentu matlamat dan objektif Dasar Ekonomi Baru akan terjejas dan tergendala.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab keadaan defisit, Kerajaan Negeri juga amat membimbangkan. Saya berpendapat agar royalti-royalti hasil negeri harus dikaji semula, terutama sekali royalti petroleum.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadang di Dewan yang mulia ini supaya kajian perjanjian royalti minyak mentah di Sabah dikaji semula. Pada masa ini Kerajaan Persekutuan cuma memperuntukkan

5% daripada hasil petroleum sahaja kepada Negeri Sabah. Untuk itu, saya mencadangkan agar royalti tersebut dinaikkan kepada paras yang lebih tinggi ataupun kepada paras sekurang-kurangnya 10%.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa masa ini bukanlah masa bagi kita untuk berdebat atau memikirkan siapa yang mendapat lebih kekayaan di Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, saya merayu agar semua Kementerian-kementerian dalam Kerajaan Malaysia lebih menitikberatkan kawasan-kawasan yang miskin tanpa mengira kaum seperti sedia kelak. Kalau kita masih mengamalkan sikap pilih bulu, sudah tentu segala kata-kata kita di Dewan yang mulia ini tidak berguna. Tidak keterlaluan jika saya katakan bahawa sementara kita di sini sibuk memperkatakan tentang kekayaan, sibuk memperkatakan tentang ekonomi, kita lupa bahawa nun jauh di desa-desa ada yang tertindas dan hampir-hampir kebuluran.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan perbelanjaan keselamatan agak berpatutan pada tahun hadapan. Bersangkutan dengan ini, saya sekali lagi mengulas tentang keselamatan perairan sempadan Malaysia dan Filipina. Saya merayu kepada pihak Kementerian Dalam Negeri supaya memperuntukkan lebih kapal-kapal merin dan menambah lagi stesen pasukan keselamatan, terutama sekali di kawasan Marudu. Saya merayu supaya Balai Polis di Pulau Banggi diperbaiki dan diperuntukkan alat-alat yang lebih moden. Begitu juga di Pitas Bengkoka haruslah diperuntukkan sebuah Balai Polis memandangkan penduduk di situ bertambah ramai dan terdapat pula kejadian kes-kes jenayah yang semakin meningkat. Dengan keselamatan yang terkawal, keselamatan yang ketat di perairan

Malaysia-Filipina, tentulah kita dapat menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing daripada luar negeri ataupun pelabur-pelabur rakyat Malaysia tanpa keraguan tentang keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang pelabur luar negeri, iaitu dari segi keyakinan mereka, semua ahli-ahli politik mestilah berusaha mengikiskan sengketa dan hasad-dengki. Sudah habis masanya untuk berpolitik pada masa ini. Kita tumpukan pula kepada kemajuan dan kebajikan rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, pada masa ini masih terdapat sebilangan pemimpin-pemimpin parti walaupun sekeluarga dengan Barisan Nasional di peringkat Negeri yang tidak henti-henti mengutuk dan mempertikaikan kewibawaan Kerajaan-kerajaan Negeri. Dengan itu, sudah sampai masanya mereka mengikiskan perasaan hasad-dengki mereka dan menumpukan perhatian kepada masalah pembangunan negara, dengan izin, let us forget about personal interest and let us contribute and build up our national interests.

Kita haruslah mengamalkan sikap Kepimpinan Melalui Teladan kita, terutama sekali dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Dewan yang mulia ini. Dengan sikap dan fungsi sedemikian, maka dengan berkat Allah, kita akan dapat mengatasi krisis keyakinan pelabur-pelabur luar negeri dan pelabur-pelabur dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun peruntukan bagi tahun 1987 agak rumit, tetapi saya ucapkan syabas kerana Kerajaan masih mengambil berat usaha-usaha meningkatkan taraf kesihatan di luar bandar. Oleh itu, saya merayu agar Kementerian Kesihatan dapat membina beberapa pusat kesihatan di Daerah Marudu,

terutama sekali di kawasan-kawasan terpencil yang sukar dihubungi. Saya merayu supaya dapat mempercepatkan rancangan pembinaan dispensari di Kampung Tiga Papan, Kudat di mana tanah sudahpun dibeli oleh Kementerian beberapa tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan dunia yang serba mencabar ini Kerajaan perlulah menggalakkan rakyat beribadat demi untuk menyemaikan perasaan tatatertib dan berperikemanusiaan. Justeru itu, saya selaku Ahli Dewan Rakyat di kawasan yang terdapat berbilang kaum dan agama merayu kepada Kerajaan dan juga daripada Jabatan Perdana Menteri supaya dapat membina di tempat-tempat beribadat, iaitu masjid, gereja dan sebagainya. Dengan itu, saya mencadang agar dapat Kerajaan membina satu masjid daerah Kudat yang baru yang mana memang sudah lama dinanti-nantikan oleh saudara kita kaum Muslimin di situ. Begitu juga dengan gereja Protestant Church di Kudat, perlu dibina sebuah gereja daerah dengan seberapa segera juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang peruntukan perbelanjaan bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Persekutuan) di mana sebanyak 1,432 unit rumah kos rendah diperuntukkan bagi Negeri Sabah. Oleh kerana kawasan Kudat mengalami masalah kesesakan setingan, iaitu di sekitar Perbandaran Kudat di mana beratus-ratus buah rumah dibina secara haram, maka saya merayu agar 400 unit daripada 1,432 unit yang diperuntukkan kepada Negeri Sabah itu haruslah diperuntukkan dan dibina di Daerah Kudat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merayu kepada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos agar dapat mengkaji semula tarif setiap unit bagi bayaran

bil Lembaga Letrik Sabah. Jika dibandingkan di Semenanjung harga atau tarif di Sabah terlalu tinggi, bahkan di Sabah lebih tinggi daripada di negeri Sarawak. Oleh itu, saya merayu agar Kementerian berkenaan dapat memperseimbangkan bebanan rakyat di Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Dengan kata lain, tarif bagi unit di Sabah mestilah diturunkan memandangkan kos taraf hidup di Sabah adalah lebih tinggi daripada negeri-negeri lain.

Saya kembali kepada kehendak rakyat bumiputera Malaysia berkaitan dengan perlonggaraan atau dasar pemberian kerja kepada pemborong-pemborong bumiputera. Tuan Yang di-Pertua, saya merasa kesal kerana adanya pihak-pihak pegawai Kerajaan di daerah-daerah terutama sekali di Sabah yang enggan menurut arahan-arahan tersebut. Bagi saya para penghalang dasar ini iaitu dasar yang dikeluarkan oleh Unit Penyertaan Bumiputera beberapa tahun yang lalu mestilah dianggap satu penyelewengan dan kecuaiian secara disengaja. Mereka ini merupakan satu penghalang peningkatan taraf ekonomi dan taraf hidup bumiputera. Justeru itu, saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya perkara ini diambil perhatian dengan bertindak agar segala program-program dasar bumiputera di seluruh negara berkesan demi untuk kepentingan bumiputera di seluruh Malaysia.

6.13 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Belanjawan di dalam Dewan yang mulia ini bagi kali yang kelima atau yang pertama untuk Parlimen yang Ketujuh.

Belanjawan 1987 merupakan Belanjawan lepas pilihanraya ketika negara ini mengalami kemerosotan ekonomi yang serius. Kebanyakan janji yang dibuat oleh pihak Barisan Nasional terutamanya UMNO tidak dapat dikotakan.

Sebagai Wakil Rakyat, kami telah mengangkat sumpah untuk menunaikan kewajipan-kewajipan kami sebagai yang demikian dengan jujur dan dengan segala daya upaya kami. Salah satu kewajipan itu ialah kawalan ke atas amalan kewangan Barisan Nasional yang tidak bertanggungjawab dan yang boros.

Pada 19hb Oktober, 1984, ketika Yang Berhormat Menteri Kewangan membuat Belanjawan yang ulung, beliau kelihatan sedikit gelisah. Pada 25hb Oktober, 1985 beliau nampaknya lebih tegap berdiri untuk melafazkan Belanjawan tahun 1986, akan tetapi pada 24hb Oktober tahun ini beliau dilihatkan seolah-olah kekurangan keyakinan untuk merumuskan strategi Belanjawan 1987.

Sebagai seorang bekas raja koporat, beliau adalah

Tuan Zubir bin Embong: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun. Minta penjaslaskan?

Tuan Zubir bin Embong: Minta penjelasan.

Dr Tan Seng Giaw: Boleh.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana Yang Berhormat dari Kepong tahu bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan itu kurang berkeyakinan ketika membentangkan Belanjawan di Dewan ini?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, daripada perangai dan daripada isi kandungan Belanjawan 1987 jelas menunjukkan kekurangan keyakinan yang merupakan satu krisis. Itulah hakikatnya. Saya berharap Yang Berhormat dapat membaca dengan teliti lagi—belum teliti dibacanya.

Sebagai seorang bekas raja koporat, Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah lebih bersimpati dengan orang-orang kaya. Penglibatan kepentingan Yang Berhormat di dalam UMBC dan konsensi-konsensi yang dihulurkan di dalam Belanjawan 1986 serta pengalaman beliau di dalam huru-hara politik, telah mengurangkan kemampuan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menghadapi krisis struktur ekonomi yang membelenggu negara ini.

Memang benar kemerosotan ekonomi dunia adalah satu faktor yang menjejaskan ekonomi negara ini. Akan tetapi faktor-faktor yang lain seperti rasuah, salah pengurusan dan halangan-halangan di dalam pentadbiran telah menjadikan kemelesetan ekonomi yang lebih hebat. Di dalam keadaan yang demikian, kekurangan keyakinan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menghadapi krisis-krisis keyakinan adalah lebih ketara.

Bekas-bekas pemegang portpolio Menteri Kewangan boleh menghulurkan berbagai jenis gula-gula tanpa mengira padahnya atau, dengan izin, consequencenya. Sekarang keburukan keadaan ekonomi yang amat sangat ini tidak membenarkan Yang Berhormat Menteri Kewangan terus berbuat demikian.

Saya berharap rakyat Malaysia dapat bersama-sama menghadapi kemelesetan ekonomi. Kami sanggup

bekerjasama dengan orang-orang yang jujur untuk kepentingan negara. Walau bagaimanapun, kami berpendapat usaha-usaha yang tulin hendaklah diadakan untuk menyiasat dengan teliti faktor-faktor yang menyebabkan krisis struktur ekonomi termasuk krisis keyakinan dan krisis identiti.

Faktor-faktor tersebut adalah termasuk rasuah yang mengakibatkan pelbagai skandal, seperti skandal BMF, skandal Pan-Electric, skandal MAKUWASA, skandal MAMINCO, skandal koperasi dan sebagainya. Ini jelas menunjukkan kesalahan-kesalahan Kerajaan. Kesalahan-kesalahan tersebut telah ditanggung oleh beratus-ratus ribu penganggur, mungkin lebih daripada 800,000 orang yang menganggur—lebih daripada yang disebutkan oleh Menteri Kewangan. Kesilapan-kesilapan Kerajaan telah dipikul oleh 540,000 penyimpan wang di 24 buah koperasi. Penderitaan sedang dialami oleh berjuta-juta orang nelayan-nelayan, petani-petani, penduduk-penduduk kampung baru, pekerja-pekerja estet, orang-orang Iban dan Kadazan serta Orang-orang Asli.

Arus dan aliran ekonomi sentiasa berubah dan sukar untuk dikawal oleh manusia, akan tetapi Kerajaan adalah lemah dan tidak bertanggungjawab sekiranya ia tidak dapat mengenal keadaan gelisah dan angin pancaroba ekonomi yang mendatangkan bahaya dan penderitaan. Bahaya-bahaya kemerosotan ekonomi timbul dari semasa ke semasa sebagai sekitaran timbul-tenggelam, dengan izin, cyclical yang membawa kesengsaraan yang amat sangat dengan setiap kemunculannya.

Adalah salah satu tanggungjawab negarawan untuk mengenal hakikat tersebut dan seterusnya menghadapi

bahaya-bahaya tersebut dengan penuh keberanian dan keazaman dengan menyediakan payung sebelum hujan.

Di Malaysia yang wujud bukan sahaja krisis cyclical, bahkan juga krisis struktur ekonomi yang kena-mengena dengan kelemahan dan ketiadaan tanggungjawab Kerajaan. Sifat-sifat seperti ini telah menyebabkan ketiadaan penyelesaian terhadap skandal-skandal kewangan yang raksasa. Sifat-sifat ini juga menjadi ancaman hebat bukan sahaja kepada kemuliaan dan gaya diri Kerajaan dan juga dengan lebih penting bagi ancaman yang hebat kepada kepercayaan, dengan izin, credentials UMNO sebagai parti untuk kemajuan yang sentiasa dilaung-laungkan.

Kami menyedari akan kesulitan dan kekusutan pihak pentadbir untuk mengadakan perubahan dan pembaharuan di dalam rampaian dan rangkaian pentadbiran terutamanya di dalam masyarakat majmuk, akan tetapi adalah menjadi tanggungjawab Wakil Rakyat dan kesemua rakyat untuk mengawal apa sahaja yang terjadi dengan kekusutan pentadbiran. Kelemahan dan ketiadaan tanggungjawab Kerajaan terhadap bahaya-bahaya kemerosotan ekonomi menjadi lebih ketara bila mana segelintir orang menggunakan hasil minyak mentah atau, dengan izin, "petro-dollars" sebagai penawar untuk mengabui rakyat dari krisis ekonomi, apabila harga minyak mentah jatuh ke paras AS\$13, dari AS\$40 setong dan amalan kemerosotan masih berterusan, krisis tersebut tidak dapat ditutupi lagi.

Saya hendak mengucapkan syabas kepada semua pihak yang bertungkus-lumus untuk menyiapkan Belanjawan ini, akan tetapi yang membuat keputusan muktamad untuk memilih

sesuatu pilihan atau strategi Belanjawan ialah ahli-ahli politik terutamanya Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Oleh itu adalah perlu bagi negara ini untuk mengintai batu asas Belanjawan Malaysia. Kita memang telah menduga bahawa Belanjawan yang dibentangkan akan membabitkan langkah-langkah yang tegas mengawal perbelanjaan Kerajaan manakala pelaburan sektor swasta terutamanya pelaburan pelabur-pelabur asing digalakkan. Keberkesanan langkah-langkah ini untuk menyelesaikan masalah ekonomi dipersoalkan, lebih-lebih lagi jika krisis struktur ekonomi negara terus-menerus dibiarkan berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga-tiga strategi Belanjawan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah ke arah yang betul walaupun tidak mencukupi. Yang pertama, mengurangkan peranan sektor awam di dalam ekonomi dan memperkukuhkan kedudukan kewangan negara. Yang kedua, menggalakkan pertumbuhan eksport serta mengurangkan import untuk memperbaiki imbalan pembayaran; dan yang ketiganya memperbaiki suasana pelaburan untuk memperkembangkan pelaburan swasta dan meningkatkan keyakinan pihak swasta. Akan tetapi ketika memperbaiki suasana pelaburan kita hendaklah berwaspada dan mengambil langkah-langkah yang tegas dan berkesan untuk menentang kolonialisme ekonomi negara-negara perindustrian terutamanya Jepun.

Satu strategi lagi hendaklah diadakan iaitu mengadakan keberanian dan keazaman untuk mengatasi krisis struktur ekonomi bagi membanteras segala skandal kewangan dan krisis keyakinan. Di sini saya hendak menekankan satu strategi pembangunan yang baru

hendaklah diadakan dengan mengubahsuaikan, membaharui strategi pembangunan yang ada sekarang yang tidak cukup, yang tidak boleh menghadapi krisis sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berkali-kali menggesa Kerajaan supaya bertindak ke atas krisis struktur ekonomi semasa membahaskan Belanjawan tahun-tahun yang lepas. Malangnya, rayuan saya tidak diendahkan dan sehingga sekarang ekonomi negara masih berada di dalam cengkaman negara-negara asing yang mengimport barangan komoditi kita manakala dalam negeri daya pengembangan ekonomi dikongkong oleh dasar-dasar serta cara perlaksanaan setengah-setengah dasar Kerajaan. Setakat ini walaupun dengan dasar perindustrian negara lebih kurang 60% ataupun lebih daripada ke semua jenis barangan yang dijual di Malaysia adalah diimport, sementara ekonomi negara masih bergantung kepada perdagangan komoditi utama.

Bagi Belanjawan 1987, perbelanjaan Mengurus bernilai \$20.739 billion dan perbelanjaan Pembangunan adalah \$6.673 billion, masing-masing telah jatuh sekadar 6% dan 25% bila dibandingkan dengan Anggaran Belanjawan tahun lepas. Statistik yang dirancang bagi tahun 1987 berupa \$2.718 billion. Alasan Kerajaan bagi pertambahan ini adalah kejatuhan yang besar dalam kutipan hasil iaitu sebanyak \$1.1 billion yang dijangkakan bagi tahun hadapan. Jumlah hasil tahun 1987 dianggarkan sebanyak \$18.021 billion.

sediakala, pinak Kerajaan dengan sengajanya telah mengalihkan perhatian rakyat jelata, dengan izin,

red herring daripada masalah sebenarnya yang telah mengongkong perkembangan ekonomi serta memburukkan lagi kesan suasana ekonomi antarabangsa yang semakin tenat. Daripada perbelanjaan Mengurus yang dirancang, 29% atau \$5.973 billion adalah bagi pembayaran balik hutang.

Menurut Laporan Ekonomi yang terbaharu, pinjaman Kerajaan dalam negeri dan di luar negeri pada tahun 1986 adalah sebanyak \$8.487 billion, kira-kira 26% daripada pinjaman baru tahun 1986 ini atau \$2.194 billion berupa pembayaran balik pokok. Pembayaran faedah bagi kedua-dua hutang dalam negeri dan luar negeri pula bernilai \$5.14 billion. Maka nisbah pembayaran balik hutang luar negeri meningkat dari 6.6% ke 7.9% dalam tahun 1986, menjadikan khidmat bayaran hutang sebanyak 21.7% kesemuanya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Berapa minit lagi, Yang Berhormat?

Dr Tan Seng Giaw: Ada 15 minit atau 20 minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Setakat ini berupa takat bahaya. Sebaliknya menurut kenyataan Timbalan Perdana Menteri, pinjaman luar negeri yang berterusan itu berupa tanda kepercayaan badan-badan kewangan kepada negara kita. Ini semata-mata suatu helah untuk mengalihkan perhatian rakyat daripada isu yang benar. Sekiranya kita menambahkan pinjaman luar negeri, maka beban tinggi dan pemulihan ekonomi akan terjejas.

Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan dan hutang negara pada akhir tahun 1986 dijangka bertambah kepada \$70.03 billion dan \$95.012 billion masing-masing. Kami hendak mengetahui amaun pinjaman luar negeri baru yang digunakan untuk membayar pinjaman lama, iaitu setakat manakah negara kita telah terjatuh ke dalam kancang hutang luar negeri.

Laporan Ekonomi yang terbaharu telah melaporkan bahawa jumlah pinjaman yang belum dijelaskan kepada Kerajaan Persekutuan daripada badan-badan awam, Kerajaan-kerajaan Negeri dan lain-lain adalah sebanyak \$32.806 billion, sementara jumlah hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan yang masih belum dijelaskan adalah \$24.87 billion. Terbuktilah bahawa jika badan-badan awam serta Kerajaan-kerajaan Negeri dapat menjelaskan hutang mereka, iaitu sebanyak \$26.535 billion, maka Kerajaan Persekutuan dapat menjelaskan hutang luar negeri.

Kegagalan untuk membayar balik bagi kedua-dua kumpulan ini terutamanya badan-badan awam berkanun dan syarikat-syarikat Kerajaan adalah kerana kebanyakan

daripada mereka tidak diurus dengan cekap mahu pun dengan bersih atau amanah. Pelaburan wang dari Kerajaan Persekutuan sendiri pun belum diambil kira.

Yang Amat Berhormat Menteri pernah menyatakan kebimbangan beliau terhadap kebanyakan daripada 900 syarikat kepunyaan Kerajaan yang dilaporkan menghadapi kesulitan kewangan, akan tetapi apakah langkah-langkah membina dan konkrit yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk meningkatkan pertanggungjawaban kewangan dan prestasi setakat ini agar memulangkan keyakinan dan identiti kepada negara dan Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat, duduk. Yang Berhormat boleh sambung esok selama 20 minit.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.